

# DINDING: JAJAHAN ISTIMEWA DI PERAK

# DINDING: JAJAHAN ISTIMEWA DI PERAK

*Oleh:*

OTHMAN MOHD. YATIM

*Diterbitkan oleh:*

PERSATUAN MUZIUM MALAYSIA  
Muzium Negara  
Jalan Damansara  
50566 Kuala Lumpur

*Editor Penyelaras : Jazamuddin Baharuddin  
Rekabentuk Kulit: Shabnan Abdullah  
Aturhuruf : Magnus Book Publisher  
Gambar: Semua gambar kecuali gambar-gambar di muka surat 21, 22,  
37 dan 56 adalah dengan ehsan Jabatan Muzium Dan Antikuiti*

*Cetakan pertama 1994  
© OTHMAN MOHD. YATIM*

*Hakcipta terpelihara.*


*Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, disimpan untuk pengeluaran dari buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pengarangnya.*

M 915596 R


*Dicetak oleh:  
United Selangor Press Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur*

759.511424  
OTH

13 F NOA  
Perpustakaan Negara  
N




PETA 1(A) Peta Negeri Perak 1870-an




PETA I(B) Peta Negeri Perak pada tahun 1870-an

N  
↑



PETA 2 Pulau Pangkor dan Kuala Sepit



### PETA 3 Daerah Manjung sekarang

*Untuk:*

*Nor, Siah, Edi, Yati dan Iwan  
Sebagai tanda sebuah persahabatan.*



## KANDUNGAN

Penghargaan	xv
Kata Pengantar	xvii
Senarai Peta	xix
Senarai Gambar	xix
Senarai Gambarajah	xx
Senarai Lampiran	xx
Singkatan	xx
Pendahuluan	xxi
Bab 1 Lanun dan Sejarah Awal Jajahan Dinding	1
Bab 2 Pembukaan Jajahan Dinding dan Runtuhnya 'Kerajaan Melayu Kuala Sepit (Dinding)'	12
Bab 3 Penyerahan Semula Jajahan Dinding Kepada Kerajaan Negeri Perak	23
Bab 4 Sejarah Orang-orang Melayu di Jajahan Dinding	39
Bab 5 Penutup	53
Lampiran	58
Bibliografi	67
Indeks	73



## PENGHARGAAN

Buku kecil ini asalnya latihan ilmiah untuk ijazah Sarjana Muda yang telah diserahkan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada tahun 1973 tetapi telah diubahsuai dan dikemaskinikan. Hasrat untuk menerbit buku ini bermula daripada lawatan saya ke Pejabat Daerah Manjung pada bulan Jun 1993. Semasa di pejabat itu saya nampak ramai murid sekolah di situ bertanyakan salah seorang pegawai di pejabat tersebut tentang Sejarah Manjung. Pegawai tersebut menghadapi masalah kerana boleh dikatakan hampir tiada langsung penulisan mengenai sejarah Dinding atau Manjung. Sejak kajian awal untuk buku ini dibuat kira-kira 2 dekad lalu tidak banyak perubahan yang berlaku di daerah ini kecuali pertukaran namanya dari Dinding ke Manjung. Informasi yang lain tidak banyak berubah. Maka saya berpendapat tidak ada salahnya bagi saya menerbitkan buku ini dengan pengubahsuaian di sana sini berserta informasi yang terkini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menulis kajian ilmiah tersebut.

Kejayaan penghasilan kajian ini, sebenarnya, adalah atas kerjasama banyak pihak. Di sini saya ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah memberi sumbangan dengan kadar masing-masing. Terutamanya kepada Cikgu Mahadi bin Agos (kini Allahyarham), YDH. Encik Mohd Yunus bin Mahmud (kini Allahyarham), YB. OBJ. Dinding (kini Allahyarham)

dan Tuan Pegawai Daerah Lumut, Dinding.

YDH. Encik Mohd. Yunus juga telah membenarkan saya mengambil gambar keris 'Helang Menyambar' yang ada dalam simpanan beliau. YB. OBJ. Dinding pula telah meminjamkan saya gambar Perayaan Jubli Perak, manakala Tuan Pegawai Daerah telah dengan murah hati menghadiahkan saya peta Jajahan Dinding.

Di samping itu, kelahiran kajian ini juga adalah di atas dorongan, galakan dan sokongan daripada Cikgu Md. Akhir bin Leman dan Rabaee Md. Hashim. Dorongan, galakan dan sokongan mereka lah yang telah menyelamatkan saya dari perasaan putus asa untuk menyiapkan kajian ini.

Saya juga tidak berniat untuk melupakan sumbangan beberapa orang pensyarah Jabatan Sejarah (sesi 1971/1974) terutamanya Dr. H. Sutherland yang telah banyak menasehati dan mengawasi hingga kajian ini siap, masa berharganya yang banyak terbuang kerana membaca berkali-kali draf asal kajian ini, amat saya kesalkan. Di atas kesudian beliau berbuat demikian di samping tugas hariannya yang sentiasa banyak itu, sangat-sangatlah membanggakan saya. Juga kepada Cik Barbara Andaya kerana cadangan-cadangan dan teguran-tegurannya.

Seterusnya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Arkib Negara, Perpustakaan-Perpustakaan Universiti Malaya dan Muzium Negara, khususnya Puan Zaleha Tasrib kerana kerjasama mereka yang sungguh menggalakkan.

Che Siah Mohd Noor telah sudi menaip dengan tidak jemu-jemu sehingga selesai kajian ini. Teks untuk buku ini telah ditaip semula oleh Puan Rosmali Za'Aini bte Jaafar dan Cik Nini Haslin Haider. Kepada mereka saya juga amat terhutang budi.

Kepada mereka yang telah memberikan kerjasama tetapi andainya nama mereka telah dengan tidak disengajakan tidak dimuatkan, tidaklah bererti yang jasa mereka itu tidak saya hargai. Malahan kajian saya ini adalah kajian mereka juga.

*PROF. MADYA DR. OTHMAN MOHD. YATIM  
UNIMAS, Kota Samarahan  
01 Ogos 1994*

## KATA PENGANTAR

**M**ata pelajaran Sejarah kini diwajibkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menanam perasaan kekitaan dan cintakan negara ini, khususnya kepada generasi kini iaitu generasi yang bakal mewarisi dan menerajui negara ini.

Untuk mewujudkan generasi ‘berfikiran global berakarkan lokal’ ini kita perlukan banyak bahan bacaan yang menyingkap kembali keagungan negara ini dari pelbagai aspek, termasuklah aspek sejarah. Ia akan memberi keyakinan kepada mereka bahawa sebenarnya mereka mempunyai asas dan tamadun yang kukuh dan panjang.

Dalam hubungan inilah saya mengalru-alukan kelahiran buku *DINDING: JAJAHAN ISTIMEWA DI PERAK* ini. Buku ini telah mengesan kembali sejarah Jajahan Dinding. Dalam sejarah silam jajahan ini lebih dikenali sebagai Manjung. Ia merupakan sebuah kerajaan purba sebesar dan sezaman dengan sebuah lagi kerajaan purba di Perak iaitu Beruas. Kini untuk mengingati kembali ke-gemilangan kerajaan purba itu, jajahan yang dahulunya dikenali juga dengan panggilan Dinding itu, ditukar namanya menjadi Daerah Manjung. Ia merupakan satu unit pentadbiran yang juga merangkumi mukim Beruas dan Sitiawan. Manjung yang dahulunya menjadi jajahan takluk Beruas apabila ia dikalahkan oleh Beruas dalam satu pertempuran dengan bantuan bala tentera dari Melaka, kini masukkan pula Beruas di bawah daerah pentadbirannya.

Dalam buku ini penulis yang berasal dari daerah ini, telah menyenaraikan beberapa fakta sejarah yang mendorong beliau menamakan daerah ini sebagai daerah atau jajahan yang istimewa di Perak. Satu fakta yang penting yang saya fikir tidak ramai pengkaji

dan peminat sejarah menyedarinya ialah bahawa sehingga tahun 1935 jajahan itu tidak dianggap sebagai sebahagian daripada Negeri Perak. Lantaran itu pembangunan di situ berjalan agak lembab meskipun ia mempunyai banyak potensi yang boleh dimajukan, khususnya dari segi perdagangan antarabangsa. Tambahan pula daerah itu merupakan pengeluar dan pengeksport utama bijih timah pada masa itu.

Berdasarkan kajian buku ini, masalah utama yang dihadapi dalam usaha membangunkan daerah itu pada peringkat awalnya sehingga termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 ialah masalah lanun yang dikatakan berleluasa di situ dan mengganggu perjalanan kapal-kapal dagang dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Singapura dan sebaliknya. Isu perlanunian inilah juga yang membawa kepada pembukaan Kuala Sepit dan Bandar Lumut, dahulunya menjadi pusat pentadbiran daerah ini sejak tahun 1857.

Sejarah daerah ini sebenarnya bukan sahaja menyangkut sejarah awal Negeri Perak, khususnya sejarah kesultanan malah ianya membawa erti penting dalam pensejarahan negara ini secara keseluruhannya kerana di situlah termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Perjanjian tersebut seperti yang telah kita sama-sama ketahui telah memulakan campur tangan Inggeris dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu. Apa yang terjadi seterusnya dalam sejarah Malaysia telah banyak dibukukan. Buku kecil ini saya fikir amat berguna bukan sahaja kepada pelajar-pelajar sekolah untuk mengetahui dan menghayati sejarah tempatan tetapi juga kepada peminat-peminat sejarah, khususnya pelancong-pelancong ke daerah Manjung yang kini sedang dimajukan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Negeri Perak. Ia juga merupakan satu dokumen sejarah yang berkekalan untuk tatapan generasi kini dan generasi-generasi yang akan datang.

Setulus tahniah saya kalungkan kepada penulisnya. Wassalam.

*PROF. DATO' DR. MOHD. YUSOFF HASHIM*

*Ketua, Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya*

*1 Ogos 1994*

## SENARAI PETA

Peta 1 (A + B) Peta Negeri Perak pada tahun 1870-an	... vii & viii
Peta 2 Peta Pulau Pangkor dan Kuala Sepit	... ix
Peta 3 Peta Daerah Manjung sekarang	... x

## SENARAI GAMBAR

Gambar 1 Runtuhan Kota Belanda (yang telah dibina semula ) di Pulau Pangkor, Perak. Salah satu warisan Belanda di Tanah Melayu	... 9
Gambar 2 Batu Bersurat di Teluk Gedong, Pulau Pangkor	... 10
Gambar 3 Gambar jarak dekat Batu Bersurat di Teluk Gedong, Pulau Pangkor	... 11
Gambar 4 Gambar Kuala Sepit sekarang	... 21
Gambar 5 Gambar Bandar Lumut sekarang. Di belakang kelihatan Gunung Engku Busu	... 22
Gambar 6 Gambaran artis tentang upacara menandatangani Perjanjian Pangkor 1874	... 26
Gambar 7 Meja Perjanjian Pangkor 1874	... 27
Gambar 8 Salinan Teks Perjanjian Pangkor 1874 Dalam Bahasa Inggeris	... 28
Gambar 9 Salinan Teks Perjanjian Pangkor 1874 Dalam Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu	... 29
Gambar 10 Raja Abdullah (kemudian Sultan Abdullah) yang terlibat dalam kancan politik Inggeris ekoran daripada Perjanjian Pangkor 1874	... 30
Gambar 11 J.W.W. Birch, Residen British yang pertama di Perak	... 31
Gambar 12 Baginda D.Y.M.M. Sultan Iskandar Shah (Sultan Perak yang ke-30)	... 33
Gambar 13 Masjid Al-Adli di Bandar Lumut	... 37
Gambar 14 Gambar D.Y.M.M. Sultan Idris Shah (Sultan Perak ke-33). Baginda menukarkan nama Daerah Dinding kepada Daerah Manjung	... 38
Gambar 15 Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL) di Lumut.	... 56

## SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1	Struktur Organisasi Pentadbiran Jajahan Dinding Sebelum 1874	... 16
Gambarajah 2	Jurai Keturunan Nakhoda Mohamad Taib	... 18
Gambarajah 3	<i>Monthly Collection of 'Cess of Rubber' For The Dindings</i>	... 25
Gambarajah 4	Struktur Organisasi Pentadbiran Jajahan Dinding 1874 - 1935	... 54

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran I	Salinan surat kuasa yang dikurniakan kepada Nakhoda Mohamad Taib	... 58
Lampiran II	Salinan Perutusan Gabenor Negeri- Negeri Selat Bersempena dengan Penyerahan Semula Jajahan Dinding, pada 16 Februari 1935	... 60
Lampiran III	Salinan ' <i>Arrangements for handing over Dindings'</i>	... 61
Lampiran IV	Salinan Teks Perjanjian Penyerahan Jajahan Dinding kepada Kerajaan Negeri Perak	... 63
Lampiran V	Senarai Pegawai Daerah yang Berkhidmat di Daerah Manjung	... 66

## SINGKATAN

FMS	=	Federated Malay States
hal.	=	halaman
JMBRAS	=	<i>Journal of Malayan/Malaysian Branch, Royal Asiatic Society</i>
JSBRAS	=	<i>Journal of Straits Branch, Royal Asiatic Society</i>
Mic.	=	<i>Microfilm</i>
S S	=	<i>Straits Settlements</i>

## PENDAHULUAN

Mungkin tidak ramai antara kita yang menyedari hakikat bahawa sejarah awal Negeri Perak, khususnya zaman kesultannya bermula di daerah yang kini dipanggil Manjung. Dari segi pentadbiran zaman moden ini daerah itu sebelum akhir 1980-an lebih dikenali sebagai Daerah Dinding. Di daerah inilah pada suatu masa dahulu terdapatnya tiga kerajaan kuno yang penting kepada sejarah awal rantau ini iaitu kerajaan Beruas, Manjung dan Perak. Ketiga-tiga kerajaan kuno ini sentiasa bersengketa, mungkin kerana merebut monopoli bijih timah - satu komoditi utama yang dihasilkan oleh daerah ini dan juga menjadi tempat mengeksport bijih timah yang dihasilkan dari daerah-daerah lain yang berhampiran.

Demikianlah bijih timah menjadi isu utama dalam sejarah Daerah Manjung khususnya dan sejarah Negeri Perak amnya, hingga ada penulis yang beranggapan bahawa Negeri Perak itu sendiri mengambil sempena nama komoditi tersebut. Sejarah awal Jajahan Dinding malahan sejarah awal Negeri Perak itu sendiri masih samar-samar, meskipun ada percubaan-percubaan yang dibuat untuk membina sejarah awal ini berdasarkan sumber-sumber bertulis klasik Barat, China, India dan Arab/Parsi. Dalam rekonstruksi tersebut sumbanggan bidang-bidang arkeologi, geografi dan geomorfologi telah juga digunakan tetapi masih belum mencapai satu kejayaan yang boleh dianggap konklusif.

Jajahan Dinding menjanjikan satu hasil kajian yang menarik.

Tetapi sayang setakat ini belum ada lagi seorang penulis sejarah, baik penulis Barat maupun penulis tempatan sendiri yang menulis khusus tentang sejarah Jajahan (Daerah)<sup>1</sup> Dinding (kini Manjung). Sungguhpun ramai penulis sejarah yang telah menulis tentang sejarah ‘Tanah Melayu’ amnya dan sejarah ‘Perak’ khususnya tetapi pada pendapat saya hanya Emerson (1964: 373 - 377) sahaja yang ada menghuraikan serba ringkas tentang sejarah Jajahan Dinding hingga ke tahun 1935.

Maxwell (1883: 169 - 170) ada menulis dua artikel mengenai Perak pada tahun 1800-an, masing-masing berjudul *The Dutch In Perak* dan *Dutch Occupation Of The Dindings*. Artikel yang pertama lebih menyentuh tentang ‘affairs’ orang-orang Belanda di Perak dan hanya sedikit disentuh tentang Dinding, sejauh yang bersangkutan dengan Dinding, artikel itu tidak lebih daripada merupakan satu gambaran geografi tentang Dinding iaitu dengan memetik gambaran-gambaran ahli-ahli pelayaran yang pernah melawat Dinding (Pangkor). Manakala artikel kedua hanya merupakan himpunan surat-surat Kompeni Belanda yang ada kaitannya dengan Dinding pada zaman yang berkenaan.

Merewether (1891) ada juga menulis satu artikel mengenai Dinding tetapi nampaknya ia hanya menambah apa yang pernah ditulis oleh Maxwell iaitu dengan berpandukan kepada pengalamannya semasa bertugas di Pangkor.

Winstedt (1934) yang menulis tentang sejarah Perak juga hanya menyentuh sedikit tentang Dinding.

Bagi penulis-penulis tadi seolah-olah Jajahan Dinding bukanlah merupakan satu jajahan dalam Negeri Perak walaupun mereka menulis tentang Perak keseluruhannya. Jajahan Dinding<sup>2</sup> ini sememangnya berada di luar pentadbiran Sultan Perak sehingga tahun 1935.

1 Dalam buku ini perkataan Daerah dan Jajahan akan digunakan saling bertukar ganti tetapi ia mempunyai konotasi yang sama. Orang Inggeris menulis Dinding dengan menambah ‘s’ di hujung perkataan itu menjadi Dindings.

2 Jajahan-jajahan lain di Negeri Perak ialah Hulu Perak, Krian, Larut, Matang dan Selama, Kuala Kangsar, Kinta, Batang Padang dan Hilir Perak.

Mungkin ramai yang beranggapan bahawa sejak tahun 1874 sahaja baru sebenarnya Jajahan Dinding itu ‘terpisah’ dari Negeri Perak bila mana ia diserahkan kepada Inggeris iaitu mengikut salah satu syarat dalam Perjanjian Pangkor<sup>3</sup> tetapi sebenarnya sebelum ini Jajahan Dinding sudah tinggal terbiar lama.

Terjadinya demikian adalah berkait rapat dengan soal lanun dan sepanjang sejarah Jajahan Dinding hingga ke tahun 1935 adalah berkisar di sekitar masalah ini. Penyerahan Jajahan Dinding kepada Inggeris iaitu mengikut salah satu fasal dalam Perjanjian Pangkor 1874, adalah disebabkan perkara itu<sup>4</sup> juga. Ini juga ada kaitannya dengan Perang Larut. Ramai di antara orang-orang Cina yang terlibat dalam perperangan itu menjadi perompak apabila pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang menyekat bekalan ke Larut. Perompak-perompak itu meronda pantai dari Kedah hingga ke Dinding dan mengganggu kapal-kapal dagang Inggeris.

Apabila membaca buku-buku sejarah ‘Tanah Melayu’ maupun sejarah ‘Perak’ terutamanya yang bersangkutan dengan Jajahan Dinding, penulis berkesimpulan bahawa mereka (penulis yang terdahulu) telah melihat dan menulis sejarah itu sebagai pandangan orang luar. Kajian ini merupakan percubaan dan sumbangan pertama anak tempatan Jajahan Dinding sendiri untuk menulis sejarah jahannya dari kacamata orang tempatan.

Di samping bahan-bahan rujukan bertulis, kajian ini rata-rata menggunakan sumber-sumber asli (*oral traditions*) iaitu cerita-cerita mulut orang-orang tua di tempat penulis sendiri (lihat nama-nama mereka di Bibliografi). Sebenarnya, penulis sendiri pernah mendengar cerita itu sejak masih kecil lagi. Temubual-temubual itu adalah dibuat dengan cara yang tidak formal dan kesemua cerita-cerita itu dirakam dalam perakam suara. Oleh kerana pencerita-pencerita itu

<sup>3</sup> Lihat teks perjanjian itu dalam Maxwell & Gibson - *Treaties And Engagements Affecting The Malay States and Borneo*, hal. 28.

<sup>4</sup> Hanya pada tahun 1935 sahaja pergerakan lanun itu dapat dihapuskan oleh askar-askar Inggeris dan mengikut perjanjiannya dengan Kerajaan Perak, Inggeris menyerahkan kembali Dinding kepada Kerajaan Perak - Lihat Bab 3.

mempunyai pertalian persaudaraan dengan penulis (kecuali Yang Berhormat Orang Besar Jajahan [OBJ] Dinding) lantaran itu penulis percaya telah dapat cerita yang sebenarnya.<sup>5</sup>

Sudah menjadi kelaziman orang-orang Melayu tidak suka merekod tarikh satu-satu peristiwa, dan ini kadang-kadang menimbulkan sedikit masalah; umpamanya pencerita-pencerita tadi dapat menceritakan satu-satu peristiwa itu dengan lancar, mereka juga dapat mengingat nama orang-orang Inggeris, sungguhpun tidak begitu betul sebutannya namun iras-irasnya masih ada, malangnya mereka tidak ingat segala tarikh. Maka dalam hal ini penulis terpaksa menyemak nama-nama dan tahun-tahun di mana peristiwa-peristiwa itu berlaku dengan rekod-rekod yang terdapat di Arkib Negara.

Apakah pentingnya hubungan antara Sultan Perak dengan lanun dalam sejarah awal Dinding? Kenapakah baginda berusaha untuk menghapuskan lanun-lanun itu? Apakah cara-cara atau ikhtiar-ikhtiar yang diambil oleh baginda ke arah itu? Kenapa baginda gagal? Siapakah sebenarnya lanun-lanun<sup>6</sup> itu? Siapakah yang telah membuka Jajahan Dinding? Berjayakan beliau menjalankan tugas-tugas di mana orang-orang sebelumnya telah mencuba tetapi gagal? Apakah perkaitan perkara-perkara yang tersebut itu dengan 'terpisah'nya dan kelainan sistem pentadbiran Jajahan Dinding dengan jajahan-jajahan lain dalam Negeri Perak sehingga tahun 1935? Persoalan-persoalan inilah yang akan cuba diuraikan dalam kajian ini.

5 Kebanyakan informan itu kini telah meninggal dunia. Semoga roh mereka dicucuri rahmat.

6 Penggunaan istilah 'lanun' agak kontroversi. Lihat Tarling, N., *Piracy And Politics In The Malay World*, Singapore, 1963. Lihat juga Reber, A.L. - *The Sulu In The Eighteenth And Early Nineteenth Centuries*, Unpublished M.A. Thesis, Mic. 973.5. Perpustakaan Universiti Malaya.

## BAB 1

### LANUN DAN SEJARAH AWAL JAJAHAN DINDING

**S**ehingga setakat ini masih belum dapat dipastikan bila-kah perkataan ‘Dinding’ mula-mula sekali digunakan. Perkataan itu, mungkin paling awal, telah digunakan oleh *Sejarah Melayu* yang telah dihasilkan pada abad ke-16 Masihi. Apabila menceritakan lokasi Gangga Negara, salah sebuah kerajaan kuno di Perak, *Sejarah Melayu* menyatakan:

“. . . setelah beberapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri, Gangga Negara namanya, Raja Gangga Shah Johan nama rajanya. Adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit . . .” (*Sejarah Melayu*, Edisi Shellabear, 1967:11)

Kerajaan Gangga Negara itu mengikut *Sejarah Melayu* lagi telah diserang dan dihancurkan oleh Raja Chola dalam serangannya pada tahun 1025 - 1028 Masihi. Dalam daerah yang sama selepas kehancuran Gangga Negara telah wujud dua buah kerajaan lagi iaitu Beruas dan Manjung. Kedua-duanya terkenal kerana mengeluarkan

bijih timah dan dikatakan kedua-duanya juga sering bermusuhan, mungkin berpunca daripada perniagaan bijih timah ini. Dalam *Sejarah Melayu* juga kita dapat catatan mengenai Sultan Mahmud Shah Melaka (1488 - 1511) pernah mengirim bala tentera membantu Beruas mengalahkan Manjung. Dengan kekalahan itu Manjung menjadi sebahagian daripada Beruas.

Dengan perlantikan keluarga diraja Melaka merajai Beruas, hubungan kedua-duanya menjadi erat, hingga Melaka ditawan oleh Portugis. Kehancuran Melaka juga menandakan kehancuran Beruas.

Berikutan itu Manjung seolah-olah bebas daripada cengkaman Beruas kerana menurut sumber-sumber Portugis pada tahun 1512 - 1515 Manjung telah menjadi sebuah pusat perdagangan yang agak maju dengan penduduknya juga agak ramai. Ia merupakan pusat pengeluar bijih timah yang terpenting dan dikehendaki menghantar 6000 timah setahun ke Melaka.

Kali terakhir kita mendengar nama Manjung disebut ialah berkaitan dengan peristiwa seorang pedagang dari Manjung yang berniaga di Klang telah menemui Raja Muzaffar Shah, putera Sultan Mahmud Shah Melaka. Pedagang Manjung itu telah memujuk dan membawa baginda balik ke Perak. Raja Muzaffar Shah kemudiannya dilantik menjadi Sultan Perak yang pertama. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1528 dan baginda memilih Tanah Abang, tidak jauh dari Telok Bakong, kira-kira 80 kilometer dari kuala Sungai Perak, menjadi tempat baginda bersemayam. Selepas itu kita tidak mendengar lagi nama Manjung disebut di mana-mana meskipun namanya tetap tercatat dalam peta awal kurun ke-17 Masihi. Ia merosot dan akhirnya hilang tanpa meninggalkan kesan (B.W. Andaya, 1979:21).<sup>1</sup>

Pada masa inilah, mungkin Dinding dan Pulau Pangkor mendapat perhatian peniaga-peniaga dari Aceh dan Belanda, khususnya apabila Selat Dinding menjadi laluan pedagang-pedagang tersebut. Bahan dagangan yang utama masih lagi bijih timah. Pada masa inilah juga

1 Sehinggalah pada awal tahun 1980-an nama itu muncul kembali apabila D.Y.M.M. Sultan Idris Shah (Sultan Perak ke-33) menukar nama Daerah Dinding kepada Daerah Manjung. Nama itu kekal hingga kini.

timbulnya isu lanun yang dikatakan mengganggu kelancaran urusan perniagaan tersebut.

Penggunaan perkataan ‘lanun’ agak *arbitrary*, mungkin dapat menyesuaikan kehendak sesuatu pihak pada satu-satu zaman tertentu tetapi tidak semestinya dapat diterima dengan sepenuhnya oleh suatu pihak yang lain. Begitulah perkataan itu telah digunakan dengan sewenang-wenangnya dalam konteks sejarah tanah air kita ini. Sungguhpun Tarling (1963) mengakui bahawa penggunaan perkataan itu ‘agak kurang adil dan merupakan ‘*value judgement*’ orang-orang Barat ke atas orang-orang Timur’ tetapi kerana tema bukunya itu merupakan ‘bagaimana dan kejayaan orang-orang Inggeris dalam menghapuskan lanun-lanun di alam Melayu ini’, beliau melanjutkan lagi tradisi prasangka itu.

Membina semula keadaan zaman yang lampau itu dan menilainya dalam konteks zaman sekarang ini adalah salah atau kurang adil. Atau menilai satu masyarakat lain dengan nilai yang ada pada masyarakat kita sendiri juga adalah tidak logik. Itulah yang dilakukan oleh penulis-penulis Barat mengenai lanun di alam Melayu ini. Memang tidak dapat dinafikan pada suatu masa dahulu berlanun kepada orang-orang di alam Melayu ini merupakan satu pekerjaan yang mulia. Istilah lanun itu sengaja dibesar-besarkan oleh orang-orang Barat<sup>2</sup> kerana mereka mempunyai suatu motif yang tersembunyi di alam Melayu ini.

Siapakah sebenarnya lanun-lanun itu? Kenapakah mereka menjadi lanun? Dalam menjawab persoalan-persoalan itu kita mestilah berfikir secara rasional. Saya rasa kedatangan orang-orang Barat itu sendiri ada perkaitan dengan perkara ini.

Bolehlah dikatakan bahawa kedatangan Belanda ke rantau ini sebagai menghebatkan lagi aktiviti perlanunan itu. Belanda berbanding dengan orang-orang Barat yang lain lebih mementingkan perdagangan dari yang lain-lainnya. Untuk mencapai matlamat itu mereka sang-

<sup>2</sup> Lihat kajian yang dibuat oleh Reber dalam *The Sulu In The Eighteenth And Early Nineteenth Centuries* mengenai beberapa interpretasi tentang lanun yang dibuat oleh beberapa orang Barat.

gup berbuat apa sahaja. Di sini kita melihat adanya pertentangan dua kepentingan. Orang-orang Barat merasakan kepentingan perdagangan mereka terganggu kerana gangguan lanun, manakala lanun-lanun itu menjadi lanun dan menentang orang-orang Barat kerana perdagangan mereka juga terganggu kerana dibolot pedagang-pedagang Barat tadi.

Pergeseran yang bermula di Sulawesi itu berlanjutan di mana-mana sahaja orang-orang Bugis<sup>3</sup> dan Belanda bertemu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat negeri-negeri Tanah Melayu ini, pada masa itu, Selangor misalnya, yang menggunakan tenaga-tenaga lanun itu untuk tujuan politik.<sup>4</sup> Tetapi lain pula halnya dengan sejarah Perak di mana lanun-lanun itu tidak pernah mendapat tempat, tegasnya, Sultan Perak sentiasa sahaja memusuhi lanun-lanun itu, pernah Selangor menyerang dan mengalahkan Perak dengan bantuan orang-orang Bugis.

Orang-orang Belanda sangat memusuhi orang-orang Bugis, ini terbukti dalam satu surat arahan kepada Gabenor Belanda di Melaka supaya dibina semula kubu mereka di Pangkor dan kubu itu mestilah dijaga oleh askar-askar Eropah dan anak-anak tempatan, tetapi jangan ada orang Bugis (Maxwell, W.E. 1883: 169 - 170).

Anderson melaporkan bahawa lanun-lanun itu sentiasa sahaja meronda pantai-pantai dari Johor sampai ke Kedah dan sentiasa mengganggu kapal-kapal dagang dan tempat yang mereka suka bersembunyi ialah Selat Dinding. Dapatlah kita katakan bahawa lanun-lanun itu bukanlah menetap di darat, kerana di Dinding itu terlindung dari ribut yang dilindungi oleh Pulau Pangkor dan di situ merupakan tempat yang paling strategik, lantaran itu mereka telah menjadikan tempat itu sebagai *favourite place* untuk mereka

3 Orang-orang Bugis inilah bersama-sama dengan orang-orang Melayu lainnya telah dicap oleh orang-orang Barat sebagai lanun. Sebenarnya mereka berjuang untuk melumpuhkan ekonomi dan penjajahan Barat itu. Lihat Othman Mohd. Yatim, 'Benarkah Orang-orang Melayu Berketurunan Lanun?', *Dewan Masyarakat*, Julai 1973.

4 Ada satu episod dalam sejarah Selangor di mana orang-orang Bugis memainkan peranan yang penting.

bersembunyi (Tarling, 1962: 23). Pedagang-pedagang dari Batu Bahara<sup>5</sup> di Pantai Timur Sumatra yang dalam perjalanan ke Pulau Pinang sering juga diganggu oleh lanun-lanun itu kerana mereka telah berkerjasama dengan pihak Inggeris. Kerana gangguan-gangguan inilah mereka telah meminta kebenaran Sultan Perak untuk membuka satu penempatan baru di Dinding bertujuan menghapuskan lanun di situ.<sup>6</sup>

Kita harus ingat bahawa di peringkat awal perkembangan kemajuan ekonomi negeri-negeri Melayu pada zaman tradisional<sup>7</sup> mempunyai perkaitan yang rapat dengan sungai kerana sungai merupakan satu alat perhubungan yang paling *vital*. Di kuala-kuala sungai itulah pada suatu masa dahulu terdapat bandar-bandar besar di mana pemungutan cukai dijalankan. Cukai adalah merupakan sumber pendapatan yang utama bagi Sultan dan Pembesar-pembesar Melayu tradisional.<sup>8</sup> Pada peringkat ini perdagangan yang dibuat adalah terhad.

Dengan kedatangan pedagang-pedagang dari luar baik dari Nusantara<sup>9</sup> sendiri mahupun dari Eropah yang telah bermula sejak awal abad ke-16 lagi keadaan perdagangan kian bertambah kompleks. Ramai di antara pedagang-pedagang tempatan dari luar itu terdiri daripada pedagang-pedagang Eropah, dan pedagang-pedagang tempatan yang kehilangan kepentingan perniagaan ramai yang menjadi lanun sebagai melahirkan perasaan penentangan mereka.

Keadaan ini pastinya tidak diingini oleh Sultan (dalam konteks

<sup>5</sup> Orang-orang Inggeris menyebutnya Batu Baharu. Lihat Tarling, N., (1962), hal. 23. Lihat juga Anderson, *Acbeers*, hal. 194 - 195.

<sup>6</sup> Lihat Bab 2.

<sup>7</sup> Perkataan 'tradisional' mempunyai erti yang subjektif kerana kita tidak dapat memastikan bila zaman tradisional berakhir dan bila pula zaman moden bermula. 'Tradisional' dalam konteks kajian ini bermakna sebelum datangnya Inggeris atau lebih tepat lagi sebelum temeterainya Perjanjian Pangkor 1874.

<sup>8</sup> Pentingnya cukai terbuktii dengan pembunuhan J.W.W. Birch, Residen Inggeris yang pertama di Perak.

<sup>9</sup> 'Nusantara' dalam konteks kajian ini meliputi negara-negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Selatan Thailand dan Singapura kini.

kajian ini Sultan Perak) kerana terganggunya perdagangan bererti berkuranglah juga cukai yang akan dikutip. Maka dalam hubungan inilah Jajahan Dinding dikaitkan kerana di situ lah dikatakan menjadi pusat pergerakan lanun-lanun itu. Lantaran itu pergerakan lanun merupakan tema utama dalam sejarah awal Jajahan Dinding.

Beberapa ikhtiar telah dijalankan oleh sultan dalam menangani masalah ini tetapi gagal. Kegagalan ini berpunca daripada bukan sahaja kerana kedudukan pusat pemerintahan Perak jauh di pendalam man tetapi pada masa itu juga Kerajaan Perak sendiri tidak begitu kuat.<sup>10</sup> Ini ditambah pula Perak tidak mempunyai angkatan laut. Keadaan Negeri Perak yang di sepanjang pantainya banyak sungai-sungai,<sup>11</sup> yang dapat digunakan oleh lanun-lanun sebagai tempat untuk bersembunyi andainya tindakan diambil ke atas mereka, turut memburukkan lagi keadaan.

Di antara usaha-usaha baginda ialah mengupah Raja Engku Busu dari Selangor<sup>12</sup> untuk tugas itu. Raja Engku Busu bukan sahaja gagal dalam usaha-usahanya itu malah beliau dan pengikut-pengikutnya telah menjadi mangsa lanun-lanun tersebut.

Sebenarnya lama sebelum ini pun usaha-usaha untuk menghapuskan lanun-lanun di Jajahan Dinding<sup>13</sup> (Pangkor) itu sentiasa berkesudahan dengan kegagalan. Sultan melihat kedatangan Belanda di samping akan dapat menambahkan lagi cukai mungkin juga dapat mengatasi masalah lanun ini. Apa yang diharapkan itu rupanya

10 Ini terbukti dalam sejarah Perak di mana ia sentiasa menerima campur tangan asing dalam pemerintahannya, dimulai dengan Aceh, Belanda, Selangor, Siam dan Inggeris.

11 Faktor inilah juga yang menggagalkan Nakhoda Mohamad Taib yang akhirnya menyebabkan runtuhnya kerajaan Kuala Sepit bila jajahan itu diserahkan kepada Inggeris. Nakhoda Mohamad Taib berjaya menghapuskan lanun di jajahannya tetapi tidak di seluruh Perak.

12 Raja Engku Busu inilah yang dikatakan orang telah membuka Lumut sekarang ini. "Sungguhpun makamnya tidak diketahui di mana tetapi Gunung Engku Busu yang tersergam di belakang Pekan Lumut itu sudah cukup menjadi bukti kewujudannya di sini" - Y.B. OJB Dinding. Penulis telah cuba untuk mendapatkan butir-butir lanjut mengenai Raja Engku Busu ini tetapi tidak berhasil. Adalah dipercayai yang beliau telah datang ke Lumut pada akhir tahun 1840-an.

13 Lihat gambaran ilmu alam tentang Dinding oleh Wouter Schouten pada tahun 1663 dan Dampier pada tahun 1689 dalam Maxwell, W.E., *The Dutch In Perak*, hal. 252 - 253.

hanya impian belaka kerana kedatangan Belanda menambahkan lagi masalah, iaitu bila mana mereka ingin melaksanakan monopolii perdagangan di rantau ini, pergeseran dengan pedagang-pedagang tempatan sering sahaja berlaku. Kemuncak pergeseran itu ialah apabila kubu orang-orang Belanda di Pulau Pangkor itu dimusnahkan oleh orang-orang Melayu Perak yang diketuai oleh Panglima Kulop<sup>14</sup> pada tahun 1690. Kubu itu ditinggalkan sehingga mereka datang mendudukinya semula pada tahun 1743.

Dengan kedatangan Inggeris kemudiannya, Sultan mengharapkan bantuan dari mereka dalam menyelesaikan masalah ini. Berikutan daripada itu dalam satu perjanjian yang ditandatangani antara Sultan dan James Low pada tahun 1826, 'Pulau Dinding dan Pulau Pangkor diserahkan kepada Inggeris.' Sungguhpun perjanjian itu dibuat tetapi Inggeris tidak membenarkan pegawai-pegawaiannya mencampuri hal ehwal dalam negeri di negeri-negeri Melayu. Tindakan Low itu tidak mendapat restu dari kerajaan Inggeris di London dan ternyata beliau telah bertindak secara bersendirian (Cowan, 1967:12).

Tegasnya, Sultan dan Low masing-masing mempunyai interpretasi tersendiri mengenai perjanjian tersebut. Sultan mengharapkan Inggeris untuk mengambil tindakan yang lebih efektif terhadap lanun-lanun kerana Dinding sudah diserahkan kepada mereka. Sementara itu Inggeris (Low) hanya menggunakan 'ugutan kosong' bertujuan untuk menyekat perluasan kuasa Siam ke Perak.

Ikhtiar Sultan walaupun mendapat bantuan dari luar juga menghadapi kegagalan. Kerana kekecewaan itulah Jajahan Dinding di'lupa'kan sahaja. Sehingga kedatangan Nakhoda Mohamad Taib pada tahun 1857 kemudiannya telah menghidupkan semula harapan baginda. Lantaran itu hasrat Nakhoda Mohamad Taib untuk 'membuat tempat kediamannya di sebelah laut dalam Sungai Dinding'<sup>15</sup> disambut baik oleh baginda.

Lantas baginda mengeluarkan satu surat kuasa<sup>16</sup> bagi memudahkan

<sup>14</sup> Penulis telah cuba untuk mendapatkan butir-butir lanjut mengenainya tetapi tidak berhasil.

<sup>15</sup> Tembusul dengan Cikgu Mahadi bin Agos.

<sup>16</sup> Lihat surat kuasa itu di Lampiran 1. Satu salinan fotostatnya ada tersimpan di Arkib Negara.


Nakhoda Mohamad Taib membuka petempatan baru di Kuala Sepit.


Di hadapan terbentang segala cabaran yang akan dihadapi oleh Nakhoda Mohamad Taib. Cabaran-cabaran itu perlu dihadapi dengan gigih kerana percubaan-percubaan yang dibuat oleh orang-orang terdahulu daripadanya semuanya berakhir dengan kegagalan.

---

Adalah dipercayai bahawa surat yang diterima oleh Nakhoda Mohamad Taib itu adalah sama kuasanya dengan surat yang diterima oleh Ngah Ibrahim (Menteri Larut) pada 24 Mei 1858 yang juga dikurniakan oleh baginda Sultan Jaafar Muazzam Shah. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Ngah Ibrahim ini, lihat Abdullah Zakaria Ghazali (1993).

Gambar I. Rantauan Kota Belanda (yang telah dibina semula) di Pulau Pangkor, Perak.  
Salah satu warisan Belanda di Tanah Melayu.





Gambar 2. Batu yang dikenali sebagai Batu Bersurat Belanda yang terdapat di Kampung Teluk Gedong, Pulau Pangkor. Letaknya adalah berhampiran dengan Kota Belanda.

Gambar 3. Gambar jarak dekat menunjukkan gambar harimau sedang membaham seorang budak perempuan, tulisan, lambang 'VOC' dan angka tahun 1743. Ia dipercayai menceritakan kebampaan orang-orang Belanda dalam menangani isu-isu lanun di perairan Dinding yang sudah pastinya mengganggu perdagangan bijih timah mereka dengan Negeri Perak.



## BAB 2

### PEMBUKAAN JAJAHAN DINDING DAN RUNTUHNYA KERAJAAN\* MELAYU KUALA SEPIT (DINDING)\*\*

**S**esiapa sahaja yang mengkaji sejarah Jajahan Dinding sudah pasti tidak dapat melupakan nama Nakhoda Mohamad Taib kerana beliaulah yang telah meneroka dan seterusnya memajukan Kuala Sepit.<sup>1</sup> Beliau bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya telah berusaha dengan gigih dalam menghapuskan pergerakan lanun di situ.

\* Konsep kerajaan pada masa dahulu tidak sama dengan konsep sekarang.

\*\* Berdasarkan kepada apa yang diceritakan kepada penulis oleh Cikgu Mohd Akhir bin Leman pada 1 & 2 Mei 1973. Cerita ini hampir sama dengan cerita yang disampaikan oleh YDH. Encik Mohd Yunos bin Mahmud kepada penulis pada 21 Mei 1973. Sebenarnya kedua-dua mereka telah mendengar cerita itu daripada Cikgu Mahadi bin Agos. Penulis telah menemui Cikgu Mahadi yang mendakwa umurnya 95 tahun itu pada 15 & 16 Mei 1973 dan membandingkan cerita-cerita yang penulis dengar terdahulunya. Cerita itu adalah sama. Lihat Bibliografi untuk butir-butir lanjut mengenai orang-orang yang bercerita itu.

1 Luas Kuala Sepit adalah kira-kira 48 kilometer persegi.

Pusat Pemerintahan Jajahan Dinding bermula di sini, kemudian berpindah ke Pangkor selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani. Akhirnya berpindah pula ke Lumut hingga pada awal tahun 1993. Kini pejabat itu di Manjung.

Orang Inggeris menyebutnya 'Simpit', lihat *Times of Malaya (Weekly)*, May 15, 1935, hal. 776.

Kedatangan Nakhoda Mohamad Taib ini dikatakan adalah selang beberapa tahun selepas kedatangan dan kegagalan Raja Engku Busu dalam menghapuskan lanun di situ. Berdasarkan kepada surat kuasa yang diterimanya kedatangan Nakhoda Mohamad Taib itu adalah pada tahun 1857.

Seperti yang diketahui umum bahawa Negeri Perak sudahpun didatangani oleh pedagang-pedagang luar sejak awal abad ke-16 lagi. Kedatangan Nakhoda Mohamad Taib itupun mempunyai perkaitan dengan perkara ini. Sebelum beliau membuka Kuala Sepit beliau sudah beberapa kali berkunjung ke Perak kerana urusan perniagaannya. Lantaran itu beliau menjadi terkenal di kalangan Sultan dan Pembesar-Pembesar Perak melalui hadiah-hadiah yang dipersembahkannya.

Nakhoda Mohamad Taib itu, menurut ceritanya memang seorang saudagar dan ahli pelayaran yang terkenal di Batu Bahara (bahagian Pantai Timur Sumatra).<sup>2</sup> Dari Batu Bahara, dikatakan Nakhoda Mohamad Taib bersama pengikut-pengikutnya telah mudik ke Sungai Perak, tempat yang ditujunya ialah Pasir Panjang Indera Mulia di mana bersemayamnya Baginda Raja Ngah Ja'afar - Sultan Muazzam Shah (1857 - 1873) iaitu Sultan Perak yang ke-23.

Baginda yang sedia mengetahui latar belakang beliau telah menerima kedatangan Nakhoda Mohamad Taib dengan baik. Di sini Nakhoda Mohamad Taib telah menyampaikan hasratnya untuk membuka kawasan baru "di sebelah laut dalam Sungai Dinding." Baginda memperkenankan hasrat beliau itu kerana baginda sendiri sememangnya suka Negeri Perak ini bertambah maju dan makmur berkat dari usaha yang gigih dari rakyat baginda sendiri mahupun dari orang-orang yang mendatang seperti Nakhoda Mohamad Taib itu. Hasrat itu telah disambut dengan baik oleh baginda.

<sup>2</sup> Fisher, C.A., dalam bukunya *South-East Asia, A Social, Economic and Political Geography* (hal: 240-244) mengatakan bahawa orang-orang Melayu di Pantai Timur Sumatra itu beragama Islam, berbahasa 'Melayu-Polynesia', ahli pelayaran yang terkenal dan ramai yang membuat penempatan di Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Drs. Mohd Dahlan Mansoer (1979) pula, daerah itu terletak berhampiran dengan Lembah Asahan, penduduknya adalah campuran dari orang Batak dari Melayu (Mendailing).

Seterusnya Nakhoda Mohamad Taib telah dikurniakan satu surat kuasa dan istiadat penyampaian surat kuasa itu telah diadakan di Istana Pasir Panjang Indera Mulia. Setelah itu Nakhoda Mohamad Taib telah belayar ke Kuala Sungai Perak dan terus masuk ke Sungai Dinding. Bersama-sama pengikut-pengikutnya beliau telah membuka satu tempat baru yang kemudiannya digelar Kuala Sepit.

Nakhoda Mohamad Taib (terkenal dengan gelaran Tok Noda) memang dikagumi oleh pengikut-pengikutnya kerana sifat ke-perwiraannya. Beliau mempunyai sebilah keris yang bernama 'Helang Menyambar'. Sekiranya ada orang yang cuba menyerangnya, mengikut ceritanya, keris itu disisipkannya ke pinggang sambil berdiri menanti kedatangan musuhnya itu. Yang anehnya, musuhnya itu bukan sahaja tidak boleh bergerak malah untuk menentang mukanya pun tidak berdaya. Selain daripada itu Tok Noda ada mempunyai sebuah kenaikan yang bernama 'Lancang Kuning', sebuah gong (tetawak) dan sebatang tongkat bernama 'Semambu Bangkut'.<sup>3</sup>

Pekan Kuala Sepit itu, kerana kedudukannya, telah menjadi sebuah *entrepot*, disinggahi oleh kapal-kapal dagang dari seluruh Nusantara ini, khususnya pedagang-pedagang dari Sumatra kerana hubungan antara Nakhoda Mohamad Taib dengan tempat asalnya masih lagi tidak terputus. Beliau sering berulang alik ke Sumatra. Dengan cara ini juga telah banyak menarik orang-orang dari Sumatra datang menetap di situ (lihat Bab 4).

Menurut ceritanya, di Kuala Sepit itulah terkumpulnya barang-barang keluaran hutan seperti rotan, damar,<sup>4</sup> dan lain-lain lagi. Dan dikatakan kapal-kapal dari Pulau Pinang akan datang mengambilnya.

Pada peringkat awal kedatangan Nakhoda Mohamad Taib beliau mendapat tentangan dari lanun-lanun. Akhirnya apabila beliau telah menggunakan meriam-meriam<sup>5</sup> untuk menggempur lanun-lanun itu

3 Sebahagian daripada barang-barang kepunyaannya itu telah dihadiahkan kepada Kompleks Sejarah Perak di Kota Ngah Ibrahim, Matang.

4 Berhampiran dengan Kuala Sepit terdapat suatu tempat yang sekarang dikenali sebagai Damar Laut.

5 Meriam-meriam itu pada mulanya diletakkan di hadapan Rest House, Lumut. Kini dip-

dan akhirnya kegiatan-kegiatan mereka itu dapat dilumpuhkan.

Oleh kerana keadaan tanahnya, Kuala Sepit tidak dapat dimajukan dari segi pertanian, hanya sedikit-sedikit sahaja pokok-pokok kelapa dan buah-buahan yang ditanam di situ, itupun untuk kegunaan penduduk di situ sendiri. Tegasnya perdagangan merupakan sumber ekonomi utama penduduk-penduduk di situ. Menurut ceritanya lagi, tongkat 'Semambu Bangkut' itu digunakan oleh Nakhoda Mohamad Taib ketika bermiaga, sebelum barang-barang dijual di pelabuhan (jal secara borong), diambilnya tongkat itu lalu digoyang-goyang-kannya arah ke barat seolah-olah menyisyaratkan sesuatu. Sejurus kemudian datanglah saudagar-saudagar membeli barang-barangnya tanpa bertawar lagi.

Kemakmuran Kuala Sepit dengan penduduknya yang kian bertambah merumitkan tugas-tugas Nakhoda Mohamad Taib untuk mentadbirnya. Lantaran itu beliau telah melantik beberapa orang kanannya untuk membantunya.

Panglima Kanan Tok Pendekar Mohamad Yasin telah diberi tugas menjaga keselamatan jajahan itu di samping menjadi pengawal peribadi kepada Nakhoda. Tok Baginda Raja sebagai Pawang Besar bertanggungjawab tentang kebajikan penduduk-penduduk di situ, terutamanya dari segi kesihatan. Tuan Haji Said pula sebagai Kadi dan Guru Agama yang bertanggungjawab dalam soal-soal keagamaan yang meliputi urusan nikah-kahwin, perceraian dan pendidikan agama di situ (lihat Gambarajah 1).

Nakhoda Mohamad Taib telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan Jajahan Dinding (Kuala Sepit), dan setelah memerintah selama 16 tahun beliau telah meninggal dunia pada tahun 1873 dan dikebumikan di Kuala Sepit. Segala jasanya masih belum sempat diberi penghargaan lantaran keengganannya sendiri menerima sebarang gelaran kerana menurutnya, tugas-tugasnya masih belum selesai, juga disebabkan pergaduhan anak-anak raja Perak


dakian ke Kompleks Sejarah Pasir Salak. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai meriam-meriam di Malaysia, lihat buku yang ditulis oleh Othman Mohd. Yatim dan Mohd. Zamperi A. Malek,(1994)

yang berpanjangan dalam merebut takhta kerajaan.<sup>6</sup>

### Gambarajah 1

#### Struktur Organisasi Pentadbiran Jajahan Dinding Sebelum 1874

Nakhoda Mohamad Taib (Ketua)\*



\* Selepas tahun 1874 jawatan itu diambil alih oleh Superintendent of the Dindings. Keturunan Nakhoda Mohamad Taib kemudiannya menjadi Penghulu di salah satu mukim di Perak itu. Kesemua pembesar-pembesar itu adalah pengikut-pengikut Nakhoda Mohamad Taib sendiri yang datang bersama-sama.

Setelah kematian Nakhoda Mohamad Taib, (lihat Gambarajah 2) anaknya Nakhoda Mohamad Ariff telah menggantikannya tetapi beliau tidak lama memerintah kerana kembali ke Batu Bahara dan tidak lama kemudian adiknya pula, Penghulu Besar Mohamad Nordin telah menggantikannya.

Penghulu Besar Mohamad Nordin telah menyambung semula

6 Inilah juga dikatakan salah satu faktor yang membawa kepada campur tangan Inggeris di Perak melalui Perjanjian Pangkor 1874.

usaha-usaha ayahandanya yang masih belum selesai iaitu untuk mengalakkan orang-orang Melayu di kampung-kampung di sekitarnya yang telah dibuka untuk berniaga.

Semasa membersihkan semak-samun di pekan Lumut untuk pembinaan jalanraya mereka telah menjumpai beberapa buah kubur lama. Dipercayai kubur-kubur itu adalah kubur-kubur pengikut Raja Engku Busu dahulu dan semua kubur-kubur itu telah dibongkar semula dan dipindahkan ke tempat lain,<sup>7</sup> tetapi menurut ceritanya, terdapat satu mayat yang tidak hancur, dipercayai mayat itu ialah mayat Raja Engku Busu. Mayat itu telah dikerat-kerat dan dicampak ke dalam laut sebagai mematuhi arahan Jurutera Inggeris yang bertanggungjawab dalam pembinaan jalanraya itu. Meskipun Penghulu Besar Mohamad Nordin telah menasihati Jurutera tersebut supaya mayat tersebut dikebumikan semula dengan secara terhormat tetapi nasihat itu tidak diendahkannya. Dikatakan tidak lama selepas itu, kononnya Jurutera tersebut telah mati dengan mengejut dan dalam keadaan yang mengerikan.<sup>8</sup> Di samping itu juga tulang-tulang dan tengkorak-tengkorak yang juga dipercayai mangsa-mangsa perompak-perompak yang pernah berkubu di situ turut dijumpai.

Tadi telah diperkatakan bahawa zaman kegemilangan ‘Kerajaan’ Melayu Kuala Sepit itu mengalami zaman kepudarannya apabila termeterainya Perjanjian Pangkor 1874, bila mana Jajahan Dinding telah diserahkan kepada Inggeris dan Penghulu Besar Mohamad

<sup>7</sup> Di sini timbul satu persoalan siapakah yang mengkebumikan Raja Engku Busu dan pengikut-pengikutnya itu? Mungkin mereka semua telah terbunuh dalam satu serangan hendap dan perompak-perompak itulah yang bertanggungjawab mengkebumikan semua mayat itu, agaknya mereka menghormati mayat-mayat itu kerana mereka juga beragama Islam dan salah seorang diantara mereka itu berketurunan raja pula.


<sup>8</sup> Sungguhpun mereka dikatakan kejam tetapi mereka juga mempunyai sifat kemanusiaan kerana apa yang sebenarnya mereka perjuangkan ialah kebebasan dan menentang ‘penindasan’ dalam bentuk apa sekalipun dan tidak mengira daripada siapa datangnya.

<sup>9</sup> Peristiwa ini, dalam konteks masyarakat dahulu bukanlah merupakan satu keganjilan kerana ‘dulat’ adalah merupakan salah satu ‘taboo’ dalam sistem kepercayaan masyarakat Melayu tradisional. Tetapi kepada masyarakat sekarang peristiwa ini mungkin dianggap sebagai luar biasa dan tidak dipercayai dan kalau ada yang separuh mempercayainya mengaitkan perkara itu pula dengan satu kebetulan sahaja. Penulis cuba mencari nama Jurutera Inggeris itu dalam rekod-rekod (Inggeris pastinya) tetapi tidak berjumba.

Nordin telah tidak dapat membaharui surat kuasanya daripada Baginda Sultan Ismail Muabidin Shah (1871 - 1874), Sultan Perak yang ke-25 kerana Jajahan Dinding bukanlah lagi terletak di bawah kekuasaan Sultan Perak.

### Gambarajah 2

#### Jurai Keturunan Nakhoda Mohamad Taib\*



\* Penulis tidak dapat jurai keturunan yang lengkap kerana penceritanya sudah tidak ingat lagi tambahan pula beliau telah terlalu uzur.

Sebahagian besar daripada keturunan dan pengikut-pengikut Nakhoda Mohamad Taib masih lagi terdapat di Kampung Hutan 40 Rantai, kira-kira 16 kilometer dari Lumut.

Walaupun Jajahan Dinding ditadbirkan oleh Negeri-Negeri Selat tetapi Penghulu Besar Mohamad Nordin masih lagi sah sebagai pemerintahnya, meskipun beliau tidak dapat membaharui surat kuasanya itu. Menurut ceritanya, pihak Inggeris di Pulau Pinang telah menghadiahkan sepucuk pistol kepadanya dan keris pusaka dari Batu Bahara 'Helang Menyambar'<sup>9</sup> telah diberikannya kepada pengawal peribadinya Muhamad bin Pendikar Mohamad Yasin yang sebelum meninggalkannya telah menyerahkan pula keris itu kepada anak saudaranya Encik Mohamad Yunus bin Mahmud (dahulunya Ahli Dewan Negeri Perak).

Orang-orang Inggeris yang mengetahui susunan masyarakat Melayu tradisional yang terdiri daripada dua golongan iaitu golongan kelas pemerintah dan kelas yang diperintah, telah mendampingi golongan yang pertama, dengan harapan akan mendapat sokongan seluruh masyarakat kerana orang-orang Melayu golongan yang kedua sememangnya taat kepada '*traditional elite*' itu tadi (dalam konteks kajian ini Penghulu Besar Mohamad Nordin serta keluarganya dan pembesar-pembesar dianggap sebagai '*traditional elites*'). Tetapi dalam konteks masyarakat Melayu di Kuala Sepit tidak begitu pula keadaannya.

Penduduk-penduduk Kuala Sepit merasa begitu sedih dengan peristiwa Perjanjian Pangkor itu kerana dihamparkan oleh Sultannya sendiri dan mereka enggan menerima penjajahan Inggeris. Lantaran itu mereka telah berpindah beramai-ramai meninggalkan Kuala Sepit ke perkampungan-perkampungan baharu yang telah sedia dibuka di sepanjang mudik ke hulu Sungai Dinding. Apabila Inggeris berusaha untuk memajukan jajahan itu hanya Penghulu Besar Mohamad Nordin serta keluarganya dan beberapa orang pembesar sahaja yang berkejasama dengan pihak Inggeris.

Sejak peninggalan beramai-ramai penduduk Kuala Sepit itu, Kuala Sepit yang dahulunya penuh sesak telah menjadi lengang dan kini

<sup>9</sup> Keris itu masih ada lagi dalam simpanan keluarga Encik Mohamad Yunus. Pada mata keris itu terdapat ukiran Gunung Berapi yang menunjukkan ada kaitannya dengan Sumatra.

sudah menjadi hutan tebal, namun begitu kesan-kesan tinggalan ‘Kerajaan’ itu masih lagi dapat dilihat hingga sekarang ini seperti bekas-bekas kubur, tapak masjid, tapak rumah-rumah pembesar dan lain-lain lagi.

Penghulu Besar Mohamad Nordin telah meninggal dunia lantaran penyakit yang dihadapinya akibat terjatuh dari jeti. Dan sejak peninggalannya Jajahan Dinding telah dibahagikan kepada empat mukim<sup>10</sup> yang mana tiap-tiap satunya ditadbir oleh seorang Penghulu. Mukim Lumut — Penghulu Mahmud bin Pendikar Mohamad Yasin, Mukim Pangkor — Penghulu Lebai Mohamad Ariff, Mukim Pengkalan Baharu — Penghulu Ali dan Mukim Beting Luas<sup>11</sup> — Penghulu Long.

Pada 16 Februari 1935, Penghulu Mahmud telah bersara dan telah menyerahkan jawatannya itu kepada Penghulu Mohamad Jaafar bin Haji Abdul Rauf (dahulunya Orang Kaya Besar Maharaja Diraja, SPMP, JP, Negeri Perak).


Kuala Sepit telah jauh tertinggal dalam lipatan sejarah tetapi masih dekat dalam ingatan dan kenangan penduduk-penduduk di daerah ini. Andainya sesuatu tidak dibuat oleh kerajaan atau badan-badan pencipta alam persoalan mungkinkah warisan negara itu akan lenyap ditelan zaman tidak timbul kerana persoalan yang lebih penting sekarang ialah bilakah ia akan ditelan zaman kerana ia sentiasa terdedah kepada cabaran-cabaran alam.


Lumut telah mengambil alih fungsi Kuala Sepit sebagai sebuah pelabuhan kerana Lumut terletak di tanah daratan Dinding dan dapat dihubungi dengan mudah dengan bandar-bandar yang lain di negara ini melalui jalan darat. Dan faktor-faktor itu membuatkan Kuala Sepit begitu terpencil dan menjadi tidak begitu penting lagi.

<sup>10</sup> Pembahagian itu dibuat pada kira-kira tahun 1910-an tetapi pada tahun 1935, untuk tujuan memudahkan pentadbiran, Jajahan Dinding telah dijadikan 2 mukim sahaja iaitu Mukim Lumut yang luasnya kira-kira 168 kilometer persegi (termasuk juga Pangkor) dan Mukim Pengkalan Baharu yang luasnya kira-kira 145 kilometer persegi. Lihat DOD 181/35, PK Sec. Gen 560/35 dan Pk. Survey 210/35.

<sup>11</sup> Sekarang termasuk dalam Mukim Lumut.

Gambar 4 Gambar Kuala Sepit sekarang





Gambar 5 Gambar Render Lantai ukuran. Diholakan lokasi tanah Gunung Fachru Riau

## BAB 3

### PENYERAHAN SEMULA JAJAHAN DINDING KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK

**A**pabila Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani, Pangkor dan kawasan tanah besar Dinding diserahkan kepada Inggeris (*Settlement of Penang*) dengan ditadbirkan oleh seorang Superintendent berbangsa Inggeris, namun begitu untuk kemudahan ia (Dinding) telah diatur untuk ditadbir bersama oleh Resident British Perak, tetapi hasil dan perbelanjaannya adalah termasuk dalam belanjawan (*budget*) Koloni. Beberapa orang polis diketuai oleh seorang Sarjan Inggeris telah dilantik dan ditempatkan di situ bagi membantu Penghulu dalam mengekalkan keamanan. Mulai dari tahun itu juga anak-anak Dinding dianggap sebagai rakyat Negeri-Negeri Selat.

Pada tahun 1886 Kerajaan Koloni telah memutuskan untuk mengambil alih pentadbiran itu dan pegawai-pegawai dari perkhidmatan Koloni telah ditempatkan di situ tetapi mengikut 'Ordinance XI of 1886' Dinding tidak lagi menjadi 'Settlement of Penang' tan dipindahkan di bawah 'Settlement of Singapore' sehingga 1890 iaitu mengikut 'Ordinance IX of 1890' ianya diserahkan kembali

kepada 'Settlement of Penang' (Merewether, 1891: 42-43).

Kedatangan Inggeris telah banyak membawa pembaharuan dan kemajuan kepada Negeri-Negeri Melayu. Ini memang tidak dapat dinafikan sungguhpun kepada sesetengah orang ianya meragukan. Jajahan Dinding juga telah banyak mengalami perubahan selari dengan perubahan-perubahan yang dialami oleh jajahan-jajahan lain di dalam Negeri Perak. Pokok-pokok getah telah mula ditanam di Jajahan Dinding pada tahun-tahun 1880-an. Sejak tahun 1890-an, Lumut yang sudah dibangunkan itu telah memainkan peranan sebagai pelabuhan untuk mengeksport hasil keluaran dari jajahan itu dan daerah-daerah yang berhampiran.

Perlu diingat bahawa bijih timah dan getah sama-sama memberikan sumbangan ke arah kemajuan negeri itu. Pada peringkat awal perkembangan ekonomi Negeri Perak ini, Jajahan Dinding memainkan peranan yang penting kerana segala hasil mahsul dari negeri ini dieksport melalui bandar pelabuhan Lumut (Ryan, 1966 : 63), tetapi lama kelamaan apabila Inggeris mula memperkenalkan sistem infrastruktur yang lebih cekap, sedikit demi sedikit peranan Lumut telah diambil alih (jalan keretapi yang pertama telah siap dibina pada tahun 1885 yang menghubungkan Taiping dengan Kuala Sepetang [dahulunya Port Weld]). Kemajuan ini selari pula dengan kemajuan di beberapa negeri Melayu yang lainnya yang juga telah menerima campur tangan Inggeris.<sup>1</sup>

Apabila keamanan dan beberapa kemajuan telah dicapai di jajahan ini, umpamanya pada tahun 1934 kita lihat pungutan 'cess' getah sentiasa naik setiap bulan. (Lihat Gambarajah 3).

Telah timbul kesedaran di kalangan pemerintah Perak untuk merayu supaya Jajahan Dinding dikembalikan kepada Perak kerana 'adalah pelik bagi Perak satu kawasan di tepi pantainya (Dinding) itu adalah di luar kekuasaannya dan di samping itu kepada pihak Inggeris pula Dinding merupakan satu kawasan yang terasing; jauh

<sup>1</sup> Untuk mendapat gambaran perubahan-perubahan itu lihat Khoo Kay Kim "Perubahan di setengah Negeri-Negeri Melayu (1880-an)" dalam *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, 8, 1969/1970, hal.98.

beratus kilometer dari Pulau Pinang dan tidak mendatangkan banyak faedah' (Emerson, 1964: 374), oleh itu sejak akhir abad ke-19 beberapa cadangan telah dibuat oleh beberapa orang Gabenor dan Setiausaha Koloni supaya Dinding dikembalikan kepada Perak.

### Gambarajah 3

*Monthly Collection of 'Cess of Rubber' For The Dindings*

*Period: June to December, 1934*

June	\$ 1,006.58
July	\$ 3,332.96
August	\$ 4,102.18
September	\$ 4,059.30
October	\$ 4,154.85
November	\$ 4,059.84
December	\$ 8,618.75

*Prepared by Harbour Master, Lumut.<sup>2</sup>*

Sebenarnya sejak tahun 1917 lagi Sultan Perak telah merayu supaya Dinding itu diserahkan kembali kepada Perak tetapi mendapat jawapan yang tidak memuaskan.<sup>3</sup>

Hanya apabila Sultan Iskandar Shah menimbulkan semula soal ini baharulah kerajaan F.M.S. menyokong rayuan baginda kerana ini

<sup>2</sup> Lihat (3) dalam DOD 142/35.

<sup>3</sup> Perkara ini ada disebut oleh Ahmad Sabki Jahidin dalam *Iskandar Shah of Perak 1881 - 1938*, Unpublished B.A. Thesis, University of Malaya, Mic. 839.9, Perpustakaan Universiti Malaya.

*Gambar 6 Gambaran artis tentang upacara menandatangani Perjanjian Pangkor 1874.*





Gambar 7 Meja Perjanjian Pangkor. Di atas meja inilah Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani. Ekoran dari perjanjian tersebut beberapa perubahan dari segi politik, ekonomi dan sosial telah berlaku di negeri-negeri Melayu.

ENGAGEMENT ENTERED INTO BY THE CHIEFS OF PERAK  
AT PULAU PANGKOR

20th January, 1874

Whereas, a state of anarchy exists in the Kingdom of Perak owing to the want of settled government in the Country, and no efficient power exists for the protection of the people and for securing to them the fruits of their industry, and,

Whereas, large numbers of Chinese are employed and large sums of money invested in Tin mining in Perak by British subjects and others residing in Her Majesty's Possessions, and the said mines and property are not adequately protected, and piracy, murder and arson are rife in the said country, whereby British trade and interests greatly suffer, and the peace and good order of the neighbouring British Settlements are sometimes menaced, and,

Whereas, certain Chiefs for the time being of the said Kingdom of Perak have stated their inability to cope with the present difficulties, and together with those interested in the industry of the country have requested assistance, and,

Whereas, Her Majesty's Government is bound by Treaty Stipulations to protect the said Kingdom and to assist its rulers, now,

His Excellency SIR ANDREW CLARKE, K.C.B., C.I.E., Governor of the Colony of the British Settlements, in compliance with the said request, and with a view of assisting the said rulers and of affording a permanent settlement of affairs in Perak, has proposed the following Articles of arrangement as mutually beneficial to the Independent Rulers of Perak, their subjects, the subjects of Her Majesty, and others trading in or trading with Perak, that is to say,

- I. First That the Rajah Muadz Abdullah be recognized as the Sultan of Perak.  
II. Second That the Rajah Bendahara himself, now Acting Sultan, be allowed to retain the title of Sultan Muadz with a position and a certain small Territory assigned to him.  
III. Third That all the other nominations of great Officers made at the time the Rajah Bendahara last received the regalia be confirmed.  
IV. Fourth That the power given to the orang Kayah Muzir over Larut by the late Sultan be confirmed.  
V. Fifth That all Revenues be collected and all expenditures made in the name of the Sultan.  
VI. Sixth That the Sultan creates and provide a suitable residence for a British Officer to be called Resident, who shall be subordinate to his Court, and whose advice must be asked and acted upon on all questions other than those touching Malaya Religion and Customs.  
VII. Seventh That the Governor of Larut shall have attached to him as Assessors Resident, a British Officer serving under the Resident of Perak, with similar power and subordinate only to the Resident.  
VIII. Eighth That the use of these Residencies with their Establishments be determined by the Government of the British Settlements and be a fixed charge on the Revenues of Perak.  
IX. Ninth That a Civil list regulating the expenses to be incurred by the Sultan, by the Bendahara, by the Muzir, and by the other Officers be in the same charge on the said Revenue.  
X. Tenth That the collection and control of all Revenues and the General administration of the country be separated under the advice of these Residencies.  
XI. Eleventh That the Trunk under which the Pulo Dinding and the Islands of Pangkor were ruled by Great Britain having been removed it is better desirable to re-adjust the same, so as to carry into effect the intention of the Proclamation thereof; it is hereby declared that the Boundaries of the said Territory so ordered shall be rectified as follows, that is to say:  
From Buktig Signal, or bold down in the Coast Sheet No. 1, Straits of Malacca, a tracing of which is annexed, marked A, in a straight line to the sea, thence along the sea coast to the south, to Pulo Ketra on the West, and from Pulo Ketra a line running North East about five miles, and thence North to Buktig Signal.  
XII. Twelfth That the boundaries watershed of the Krau River, that is to say, the portion of land draining into that River from the South be declared British Territory, as a rectification of the Southern Boundary of Province Wellesley, such Boundary to be marked out by Commissioners to be appointed by the Government of the British Settlements, and the other by the Sultan of Perak.  
XIII. Thirteenth That on the creation of the present disturbances in Perak and the re-establishment of peace and quietry among the contending factions in that Country, immediate measures under the control and supervision of one or more British Officers shall be taken for restoring as far as practicable the occupation of the mines, and the promotion of Manufactury, &c., as held previous to the commencement of these disturbances, and for the payment of compensation for damage, the decision of such officer or officers shall be final in such case.  
XIV. Fourteenth The Sultan of Larut engages to acknowledge as a debt due by him to the Governor of the British Settlements, the charges and expenses incurred by this investigation, as well as the charges and expenses to which the Colony of the British Settlements and Great Britain have been put, or may be put by their officers to secure the quietry of Perak and the safety of trade.

The above Articles having been generally read and explained to the undersigned who having understood the same, have severally signed to and accepted them as binding on them and their Heirs and Successors.

This done and concluded at Pulo Pangkor in the British Possessions, this Twentieth day of January, in the year of our Lord One thousand eight hundred and seventy-four.

Seal of the Sultan of Perak, Sultan Abdullah

Seal of the Sultan of Perak

- Bendahara of Perak
- Tunongrang of Perak
- Muzir of Larut
- Bendahara of Perak
- Rajah Muadz of Perak
- Lieutenant of Perak
- Dutch Factor

Andrew Clarke,

Governor, Commander-in-Chief and Vice-Admiral of the British Settlements

Gambar 8 Salinan teks Perjanjian Pangkor 1874 dalam Bahasa Inggeris

مکتبہ عجمان



A circular seal impression featuring a stylized, symmetrical design, possibly a deity or a specific symbolic motif, rendered in a dark, textured material.

Gambar 9 Salinan teks Perjanjian Pangkor 1874 dalam tulisan Jawa dan Bahasa Melayu.



Gambar 10 Raja Abdullah (kemudian Sultan Abdullah) yang terlibat dalam kancab politik Inggeris akibat dari Perjanjian Pangkor 1874.



Gambar 11 J.W.W. Birch, Residen British pertama di Perak.

akan berkesudahan dengan kemudahan menjaga sempadan kastam (Emerson, 1964 : 374). Gabenor F.M.S. pada masa itu Sir Cecil Clementi Smith telah juga menyokong rayuan Sultan Iskandar itu dan akhirnya pejabat Kolonial bersetuju untuk menyerah semula Dinding kepada Perak.

Dengan terkabulnya rayuan Sultan Iskandar Shah kepada kerajaan Inggeris supaya dikembalikan Jajahan Dinding kepada pemerintahan Perak, maka Kerajaan Inggeris telah menandatangani satu perjanjian dengan Sultan Iskandar Shah pada 6 Jun 1934. '*The Dinding Agreement (Approval) Act, 1934*' telah hebat diperbincangkan dan akhirnya diluluskan oleh Parlimen Inggeris pada 16 November 1934.<sup>4</sup> Dengan itu Jajahan Dinding yang luasnya kira-kira 320 kilometer persegi dan mempunyai penduduk pada masa itu seramai kira-kira 200,000 orang<sup>5</sup> diserahkan semula kepada Kerajaan Perak.

Istiadat menandatangani perjanjian penyerahan semula (*retrocession*) yang bersejarah itu telah diadakan pada 16 Februari 1935, bertempat di hadapan *Rest House*, Lumut. Raja Muda Abdul Aziz dan Tuan G.E. Cator (Resident British di Perak) telah mewakili Kerajaan Perak manakala Gabenor Negeri-Negeri Selat telah diwakili oleh Tuan J.S.W. Arthur (Resident Councillornya di Pulau Pinang),<sup>6</sup> Tuan J.F.F. Gregg (Pegawai Daerah Lumut). Turut juga hadir pada hari itu ialah Tuan Haji Razalli b. Ali Wasi, Penolong Pegawai Daerah Sitiawan (dahulunya Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota, SPMP, JMN, JP). Walaupun mendapat tentangan yang kuat daripada *Straits Chinese* yang diketuai oleh Tan Cheng Loke yang mendakwa bahawa penyerahan semula Dinding itu adalah tidak mengikut kerelaan hati semua penduduk di situ.<sup>7</sup>

Sebenarnya kepentingan orang-orang bukan Melayu yang tinggal

4 George Maxwell's *Papers on The Dinding & Province Wellesley 1927 - 1957*, Mic. 836, Perpustakaan Universiti Malaya.

5 Lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Feb. 20, 1935, hal. 287.

6 Lihat salinan perutusannya di Lampiran II, lihat juga 'Arrangements' mengenai upacara itu di Lampiran III.



Gambar 12 D.Y.M.M. Sultan Iskandar Shah (Sultan Perak yang ke-30). Baginda begitu instrumental dalam mengembalikan Dinding ke pangkuhan Negeri Perak.

di Dinding semasa berjalan kuatkuasanya perjanjian itu dilindungi oleh Fasal 2 perjanjian tersebut.

Sultan Perak juga telah berkenan melantik Raja Shahriman bin Raja Abdul Hamid sebagai Orang Besar Jajahan<sup>8</sup> yang pertama di jajahan ini.

Mengikut Fasal 6, perjanjian itu<sup>9</sup> dipersetujui juga yang Kerajaan Perak akan membayar sebanyak \$86,850 sebagai bayaran bagi bangunan-bangunan, jambatan-jambatan, jalan-jalan raya dan lain-lain lagi yang dahulunya kepunyaan Negeri-Negeri Selat<sup>10</sup> dan sejak itu bersatulah semula semua jajahan di dalam Negeri Perak yang semuanya terletak di tanah besar (kecuali Pulau Pangkor) yang sejak 1874 dipisahkan oleh tembok politik dan mulai 1937, Beruas pula telah masuk di bawah pentadbiran Jajahan Dinding.<sup>11</sup>

Bersempena dengan peristiwa itu juga Jajahan Dinding ditukar namanya kepada *Iskandar District*<sup>12</sup> dan Lumut ditukar namanya kepada Port Iskandar.

7 Orang-orang bukan Melayu merasakan '*they were being sacrificed for the sake of imperial policy*' (Emerson R., 1964 : 376). Penduduk Jajahan Dinding, menurut Laporan Banci 1931, ialah 19,592 orang 7,468 daripadanya adalah orang Melayu, 7,008 orang Cina, 4,778 orang India dan 22 orang Eropah.

8 Memang sudah menjadi kebiasaan dalam sistem politik masyarakat Melayu tradisional yang jawatan Orang Besar Jajahan (OBJ) itu memang diberikan kepada kerabat diraja sahaja, kecuali beberapa jajahan jawatan itu disandang oleh Pembesar-pembesar dari orang kebanyakan. Di Jajahan Dinding ini juga jawatan OBJ itu disandang oleh kerabat diraja tetapi ada kemungkinan jawatan itu pada satu masa nanti akan disandang oleh orang kebanyakan kerana gelaran OBJ Dinding itu ialah 'Orang Kaya Kaya Mahakurnia' dari Sultan. OBJ yang pertama ini bukanlah anak tempatan Dinding sendiri.

9 Penulis telah cuba untuk melihat teks asal perjanjian itu tetapi tidak berhasil, tidak diketahui di mana teks itu sekarang, '... dukacita pejabat ini tiada menyimpan surat perjanjian tersebut' surat SU kepada DYMM, Sultan Perak kepada penulis. Dalam Fail DOD. 67/35 terdapat satu minit berbunyi 'There was no such proclamation read by British Resident on retrocession of the Dindings on 16-2-1935'. Tapi perkara ini ada disiarkan dalam *Times of Malaya (Weekly)*, Feb. 20, 1935, hal. 279.

10 Lihat salinan teks perjanjian itu di Lampiran IV. Lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Feb. 20 1935, hal. 287.

11 Lihat Fasal 6 perjanjian itu, lihat juga Haji Buyong Adil, *Sejarah Perak*, hal. 111.

12 Lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Mei 15, 1935, hal. 748.

Tetapi penggunaan perkataan itu tidak meluas, mungkin generasi-generasi hari ini tidak punya mengetahuinya. Malah penduduk-penduduk di sini lebih suka menyebut Tanah Merah atau Lumut sahaja. Tanah Merah ialah nama asal Lumut.

Tiada perayaan besar-besaran yang diadakan pada hari itu sebaliknya satu perayaan yang meriah telah diadakan pada 6 hingga 11 Mei 1935 untuk memperingati 3 perkara yang penting iaitu menyambut hari ulang tahun keputeraan DYMM Sultan Perak, Perayaan Jubli (*Jubilee Celebrations*) genapnya 25 tahun King George V menaiki takhta Kerajaan England dan penyerahan semula Dinding kepada Kerajaan Perak.

Pekan Port Iskandar (nama baru Lumut) telah dihiasi dengan bendera, lampu-lampu yang berwarna-warni dan dibanjiri oleh ribuan manusia, khasnya penduduk-penduduk di jajahan ini. Pada sebelah malamnya diadakan pertunjukan wayang gambar, bunga api, kerongcong, boria, ronggeng dan lain-lain lagi. Upacara kemuncak diadakan pada 11 Mei 1935 iaitu di sebelah paginya diadakan sukan laut. Di antara acaranya ialah peraduan berdayung sampan, berenang dan lain-lain lagi. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh DYMM Sultan. Band Polis F.M.S. mengiringi upacara itu.<sup>13</sup> Kerajaan Perak telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$750/= untuk perayaan itu.<sup>14</sup>

Pada hari itu juga diadakan Istiadat Menjunjung Duli,<sup>15</sup> upacara itu diketuai oleh OBJ. Dinding, Raja Shahriman (Orang Kaya-Kaya Mahakurnia Indera Diraja). Sebenarnya istiadat ini bertujuan mengaku niat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap baginda. Ini dilakukan kerana hampir 61 tahun penduduk-penduduk di jajahan itu tidak bersultan. Pada hari itu juga penduduk-penduduk di jajahan ini dipandang sama dengan penduduk-penduduk lain di dalam Negeri Perak.

Di Sitiawan juga diadakan perayaan yang berasingan tetapi acaranya hampir-hampir sama seperti yang diadakan di Lumut.<sup>16</sup>

Hari itu juga merupakan hari yang bersejarah bagi penduduk-

<sup>13</sup> Lihat laporan mengenainya oleh District Officer Dinding, dalam DOD 48/35

<sup>14</sup> Lihat surat Secretary to British Resident, dalam DOD 48/35

<sup>15</sup> Lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Mei 15, 1935, hal. 766.

<sup>16</sup> Lihat 'Jubilee Celebrations' dalam DOD 107/35, *Times of Malaya (Weekly)*, Mei 15, 1935, hal. 7b. Majlis, 13 Mei 1935, hal. 7.

penduduk di Jajahan Dinding (dahulunya Kuala Sepit) dan mereka sungguh terharu kerana sebelumnya mereka begitu hampa oleh peristiwa Perjanjian Pangkor dan mereka bersyukur kerana sebenarnya Sultan mereka tidak pernah melupakan mereka dan peristiwa ini merupakan peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh mereka.

Sultan Perak yang ke-30 ini yang sebenarnya memang menggalakkan syiar Islam telah membina sebuah masjid di Pekan Lumut yang dinamakan ‘Masjid Al-Adli’.<sup>17</sup> Selagi masjid tersebut berdiri megah dan indah di tempat itu maka selagi itulah juga peristiwa itu (penyerahan Jajahan Dinding) tidak akan luput dari ingatan dan kenangan penduduk-penduduk di jajahan ini.

---

17 Mengenang betapa adilnya Inggeris! tetapi penduduk-penduduk di sini lebih suka memanggilnya dengan panggilan ‘Masjid Raja’ sahaja.

Gambar 13 Masjid Al-Adli di Lamut.





Gambar 14. Gambar D.Y.M.M. Sultan Idris Shah (Sultan Perak Ke-33). Baginda menukarkan nama Daerah Dinding kepada Daerah Manjung.

## BAB 4

### SEJARAH ORANG-ORANG MELAYU DI JAJAHAN DINDING

**S**eperti yang diketahui umum bahawa penduduk Malaysia adalah terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan kebudayaan. Tiga bangsa yang terbesar ialah Melayu, Cina dan India. Di kalangan orang-orang Melayu, Cina dan India itu dapat pula dibahagikan kepada beberapa kumpulan (suku). Pembahagian itu bolehlah dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor linguistik dan tempat asal dari mana mereka itu datang. Di dalam masyarakat Melayu umumnya, terdapat orang Jawa, orang Minangkabau, orang Banjar dan lain-lain yang rata-rata berasal dari Indonesia.<sup>1</sup>

Rakyat Indonesia dari Malaysia (dahulunya Malaya) secara tradisi dianggap sebagai terdiri daripada satu rumpun bangsa. Ramai yang bersetuju bahawa asal-usul orang-orang Melayu<sup>2</sup> di Malaysia ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan Indonesia. Terjadinya dem-

<sup>1</sup> Di antara lain kajian ini bermaksud mengkaji tentang kedatangan orang-orang Indonesia ke Malaysia pada zaman sejarah kerana penulis sedar yang pada zaman pra-sejarah pun perpindahan telah berlaku tanpa sekatan.

<sup>2</sup> Perkataan 'Melayu' yang tidak meliputi pengertian politik adalah terdiri daripada penduduk-penduduk Malaysia, Indonesia, Filipina Selatan dan Thailand Selatan.

kian adalah melalui proses sejarah yang panjang. Kedatangan orang-orang Indonesia ke Malaysia bolehlah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat hubungan perdagangan dan peringkat tinggal menetap.

Peringkat yang pertama mengingatkan kita kepada pentingnya perdagangan di negara ini; pada peringkat ini hubungan pedagang-pedagang tadi dengan penduduk-penduduk tempatan hanyalah semata-mata kerana perdagangan. Pedagang-pedagang tadi pada mulanya tidak berniat untuk tinggal tetap di sini, tetapi akhir-akhirnya telah berhasrat pula untuk membuat penempatan. Ada beberapa sebab yang mendorong berlakunya perubahan sikap mereka itu.

Peringkat yang kedua pula mempunyai perkaitan yang rapat dengan perkembangan dan kemajuan ekonomi yang berlaku di Malaysia ini, khususnya selepas Inggeris campur tangan di sini. Orang-orang Inggeris di samping membawa masuk pekerja-pekerja dari Negeri China dan India bagi mengisi tenaga kerja di sektor ekonomi yang baharu diperkenalkannya, telah membawa masuk juga orang-orang dari Indonesia.

Di samping itu juga kedatangan orang-orang Indonesia itu atas kerelaan mereka sendiri kerana di dorong oleh semangat pengembaraan yang ada di dalam jiwa mereka. Sungguhpun mulai tahun 1824, Malaya dan Indonesia adalah berbeza dari segi politik, namun begitu perhubungan penduduk-penduduk masih berjalan dengan mesra hingga gal Perang Dunia Kedua apabila Undang-undang Imigresen diperkenalkan baharulah ada sekatan.

Sebenarnya satu perkara yang agak menarik mengenai masyarakat-masyarakat baik Melayu, Cina mahupun India di Malaysia ini ialah terdapatnya pembahagian anggota-anggota masyarakat itu berdasarkan bahasa dan tempat asal mereka. Perkara-perkara ini terbawa-bawalah hingga ke sini, umpamanya kita dapat melihat satu-satu kumpulan (suatu) itu tinggal di satu-satu tempat tertentu.

Orang-orang Indonesia yang datang ke Malaysia ini, sebenarnya, datang dari beberapa daerah tertentu, misalnya orang-orang Jawa dari kepulauan Jawa, orang-orang Sumatra yang boleh pula dibaha-

gikan kepada beberapa kumpulan tertentu dari daerah-daerah yang tertentu juga iaitu orang-orang Minangkabau, orang-orang Batu Bahara, orang-orang Kerinci, orang-orang Aceh, orang-orang Panai dan sebagainya. Manakala dari Kalimantan pula terdapat orang-orang Banjar yang datang dari Banjarmasin. Dan orang-orang Bugis yang sudah tidak asing lagi dalam sejarah tanah air kita dari Sulawesi.

Pembahagian-pembahagian itu masih lagi terdapat dengan nyatanya, umpamanya orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan, kecuali orang-orang Minangkabau, orang-orang Sumatra yang lainnya seperti orang-orang Batu Bahara, Kerinci, Aceh, Rawa dan sebagainya, agak sukar bagi kita untuk membezakan dengan orang-orang Melayu yang lainnya kerana pertamanya mereka sudah diasimilasikan dengan masyarakat Melayu tempatan. Andainya diamati benar-benar barulah terdapat perbezaan dari segi loghat bahasa yang digunakan, misalannya orang-orang Rawa di Tapah, Perak. Orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan yang masih lagi mengekalkan cara-cara hidup mereka dari segi politik, sosial dan ekonomi tidak akan mengerti.

Sepertimana judulnya Bab ini akan menyentuh tentang asal-usul orang-orang Melayu di Jajahan Dinding. Orang-orang Melayu di Jajahan Dinding ini seperti juga orang-orang Melayu di jajahan-jajahan yang lain di dalam Negeri Perak adalah terdiri daripada beberapa kumpulan (suku). Sebenarnya Jajahan Dinding ini seperti yang dihuraikan dalam bab-bab yang terdahulu mempunyai banyak perbezaan dengan jajahan-jajahan yang lain di dalam Negeri Perak.

Hingga kini orang ramai sering terkeliru apabila menyebut orang Sumatra mereka selalu mengaitkannya dengan orang Minangkabau. Sebenarnya orang-orang Minangkabau ini adalah salah satu daripada suku-suku yang datang dari Sumatra ke Malaysia ini. Oleh kerana peranan mereka agak penting jika dibandingkan dengan orang-orang Sumatra yang lainnya, kelihatan seolah-olah orang-orang Sumatra yang lain itu tidak memberi apa-apa sumbangan. Lantaran itu peranan dan sumbangan mereka, saya rasa sekurang-kurangnya setakat ini, tidak pernah diperkatakan sebagaimana kajian-kajian mengenai masyarakat orang-orang Minangkabau tadi. Kajian ini bukan-

lah bertujuan untuk memperkecil-kecilkan peranan dan sumbangsa orang-orang Minangkabau dalam perkembangan politik sosial dan ekonomi di Malaysia ini, tetapi bertujuan untuk mengenengahkan juga peranan orang-orang Sumatra yang lain, khususnya orang-orang Batu Bahara.<sup>3</sup>

Kajian-kajian seperti ini (tumpuan kepada satu-satu masyarakat) pernah juga dibuat oleh beberapa orang penulis lain, umpamanya, '*The Boyanese of Singapore*' oleh Abdullah Malim Baginda. Kajian yang hampir-hampir sama dibuat juga oleh Abdul Aziz bin Johari, '*The Javanese People of Singapore*'. Walau bagaimanapun kedua-dua kajian itu hanya terhad kepada dua komuniti sahaja di Singapura dan tidak ada rujukan yang dibuat ke atas komuniti yang sama di tempat-tempat lain. Hanya Tengku Shamsul Baharin sahaja dalam tesis M.A.nya, '*The Indonesians in Malaya*' telah membuat kajian yang agak menyeluruh, sungguhpun pendekatannya lebih merupakan pendekatan Geografi. Meskipun begitu, kajiannya itu telah banyak memberi bantuan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Beliau sendiri mengakui bahawa oleh kerana skop kajiannya itu amat luas, tesisnya itu dianggap sebagai pengenalan umum kepada fenomena seluruhnya mengenai pendatang-pendatang (*immigrants*) dari Indonesia.

Kajian ini juga bukanlah satu kajian yang lengkap, malahan ia hampir-hampir sama dengan dua kajian yang pertama tadi, tetapi penulis akan cuba mengenengahkan orang-orang Batu Bahara dan kawasan (*area*) yang dikaji ialah Jajahan Dinding. Oleh kerana judul kajian ini (orang-orang Melayu di Jajahan Dinding) akan disentuh juga secara ringkas tentang suku-suku lain yang terdapat di situ.

## Latar Belakang Sejarah Penduduk-Penduduk Di Jajahan Dinding

Keluasan Jajahan Dinding ialah kira-kira 772 kilometer persegi.

<sup>3</sup> Menurut Anderson, Batu Bahara itu terletak di tepi Sungai Batu Bahara, di pantai timur Sumatra. Lihat nota kaki (2) Bab 2.

Jajahan ini sekarang terbahagi kepada 5 mukim; Lumut, Pengkalan Baharu, Sitiawan, Lekir dan Beruas. Mengikut banci 1970 terdapat kira-kira 37,390 orang Melayu di jajahan tersebut.

Setakat ini masih belum dapat ditentukan sama ada sudah ada atau tidak penghuni tetap di Jajahan Dinding sebelum tahun 1857<sup>4</sup> sungguhpun menurut *Sejarah Melayu* di situ terdapat sebuah kerajaan Melayu yang tertua iaitu Gangga Negara. Walau bagaimanapun kerajaan itu telah lenyap setelah serangan Chola pada tahun 1025.<sup>5</sup> Agak aneh juga kenapa terjadinya demikian sedangkan di jajahan-jajahan yang lain di dalam Negeri Perak pada tahun 1857 malah lebih awal daripada itu sudahpun berpenghuni. Ini sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah masa lampau jajahan itu.

Terjadinya demikian adalah disebabkan di situ pada suatu masa dahulu pernah dikatakan sebagai sarang lanun dan beberapa percubaan untuk membuat penempatan di situ telah gagal.<sup>6</sup> Selain daripada itu dikatakan juga yang Jajahan Dinding pada suatu masa dahulu merupakan satu kawasan penyakit malaria.<sup>7</sup> Oleh sebab itu ia kurang menarik minat orang untuk membuat tempat kediaman.

## Kedatangan Orang-Orang Luar (Dagang) — Peringkat Pertama

Satu perkara yang agak jelas ialah selepas tahun 1857 sudah terdapat penduduk-penduduk di Jajahan Dinding. Orang yang dikatakan telah membuka Jajahan itu ialah Nakhoda Mohamad Taib, seorang

<sup>4</sup> Lihat Othman Mohd. Yatim, 'Lumut: Dulu dan Sekarang'; *Berita Minggu*, 7 Oktober 1973.

<sup>5</sup> Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkara ini, lihat Othman Mohd. Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman *Berus: Kerajaan Kuno Di Perak*, 1994).

<sup>6</sup> Tidak jauh dari bandar Lumut terdapat sebuah kampung tinggal yang bernama Kg. Aceh. Menurut cerita, di situ pada satu masa dahulu merupakan perkampungan orang Aceh tetapi mereka terpaksa meninggalkan tempat itu kerana sentiasa sahaja diganggu oleh lanun. Kampung itu kini sedang dimajukan oleh Kerajaan Negeri Perak.

<sup>7</sup> Temubual dengan Orang Besar Jajahan Dinding.

ahli pelayaran dan perniagaan yang terkenal dari Batu Bahara, di pantai timur Sumatra.<sup>8</sup> Penemuan satu surat kuasa<sup>9</sup> yang dikurniakan kepada Nakhoda Mohamad Taib itu oleh Baginda Sultan Jaafar Muazzam Shah (1857 - 1873) yang memberi kuasa kepadanya untuk membuka Jajahan Dinding telah menjelaskan lagi perkara ini.

Seperti yang dikatakan terdahulu daripada ini istiadat pengurusan surat kuasa itu telah dilakukan di Istana Pasir Panjang Indera Mulia dan telah dihadiri juga oleh orang ramai dan kerabat diraja. Niat Nakhoda Mohamad Taib itu tentunya mendapat sambutan yang baik dari Sultan Perak, dengan itu diharapkan nanti dapat menghancurkan kegiatan perlanungan di situ. Malahan sebelum daripada inipun beberapa usaha baginda telah berkesudahan dengan kegagalan. Rasionalnya ialah apabila keamanan tercapai kelak, perdagangan akan berjalan dengan lancar dan cukai yang bakal diperolehi hasil daripada keadaan itu dijangka akan bertambah.

Pada zaman dahulu, perkara memberi konsesi yang merupakan satu-satu kawasan tertentu kepada orang-orang yang terkenal adalah merupakan satu perkara yang biasa, khususnya sebelum campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu ini. Seperti yang kita sama-sama ketahui bahawa sultan sentiasa bergantung kepada sokongan pembesar-pembesarnya. Tegasnya keunggulan seseorang sultan itu didasarkan kepada jumlah pengikut-pengikutnya. Di samping itu dengan cara ini juga sultan dan pembesar-pembesarnya mendapat pendapatan mereka kerana cukai merupakan sumber pendapatan utama mereka. Di dalam surat kuasa yang dikurniakan kepada Nakhoda Mohamad Taib, ada menyebut perkara ini dengan jelas, *'... dan lagi seperti hasil-mahsul yang mana ada dapat dihimpunkan Nakhoda Mohamad Taib ini kita letakkan bahagi dua yang satu bahagi akan jadi ayapan (untuk) Nakhoda Mohamad Taib ini yang suatu*

8 Lihat Bab 2.

9 Satu salinan fotostatnya ada tersimpan di Arkib Negara. Oleh kerana tulisan Jawi yang terdapat pada salinan fotostat tersebut tidak begitu jelas telah membuatkan penyalinnya tidak dapat menyalin semula dengan lengkap isi kandungan surat kuasa itu, terdapat beberapa perkataan yang ditinggalkan dalam bentuk . . . sahaja.

*bahagi dimaklumkan kepada kita inilah . . .*<sup>10</sup>

Sebenarnya, menurut Anderson, (1971: 113) orang-orang Batu Bahara sudahpun mengadakan hubungan perdagangan dengan Pulau Pinang sejak awal lagi. Dalam satu misinya ke pantai timur Sumatra dalam tahun 1823, satu rangka usaha pihak kompeni Inggeris menggalakkan dan menggiatkan lagi penyertaan orang-orang Batu Bahara itu di dalam perniagaan di Pulau Pinang. Menurut Anderson lagi, orang-orang Batu Bahara itu memperniagakan 'rotan, kain sutera yang sememangnya merupakan satu hasil yang terkenal dari daerah itu, ikan kering dan sedikit-sedikit kuda . . .'<sup>11</sup>

Tujuan misi itu sebenarnya menurut Anderson adalah kerana pada tahun-tahun itu terdapat hanya sejumlah kecil sahaja pedagang-pedagang dari pantai timur Sumatra yang datang bermiaga di Pulau Pinang. Dari pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin tempat-tempat yang dilawatinya, Anderson mengatakan bahawa beliau telah menerima banyak cadangan dari pemimpin-pemimpin tersebut; iaitu salah satu jalan bagi memperbaiki keadaan yang demikian ialah dengan membenarkan mereka membuat satu petempatan di Pangkor, untuk dijadikan pengkalan untuk menentang lanun-lanun yang sentiasa mengganggu perjalanan mereka dari Batu Bahara ke Pulau Pinang.

Oleh kerana kedudukannya yang paling strategik, Pulau Pangkor dan Dinding telah dijadikan oleh lanun-lanun itu sebagai tempat bersembunyi.<sup>12</sup> Anderson tidak pula menyebut atau berjanji untuk membawa perkara itu ke pengetahuan pihak berkuasa Kompeni Inggeris di Pulau Pinang. Anderson pastinya tidak boleh berbuat apa-apa kerana Pulau Pangkor dan Dinding adalah milik kerajaan Perak. Pada pendapat penulis, perkara inilah yang mendorong Low

<sup>10</sup> Lihat surat kuasa, Para 6 (Salinannya ada disimpan di Arkib Negara).

<sup>11</sup> Huriahan ini terdapat dalam *Acheson and The Ports On The North And East Coasts Of Sumatra, With Incidental Notices Of The Trade In The Eastern Seas, And The Aggressions Of The Dutch*, Allen, London, 1840, hal. 94.

<sup>12</sup> Untuk huriahan lanjut mengenai kegiatan perlanunan di rantau ini lihat N., Tarling, *Piracy And Politics In The Malay World, A Study of British Imperialism in the Nineteenth Century South-East Asia*, Donald Moore, Singapore, 1963, hal. 23.

menandatangani perjanjian dengan Sultan Perak pada tahun 1826. Ekoran daripada perjanjian itu, Pulau Pangkor dan Pulau Dinding diserahkan kepada Inggeris. Tetapi tiada sebarang penempatan yang dibuat di situ baik oleh pihak Inggeris maupun pihak-pihak orang-orang Sumatra tadi. Ini mungkin telah disebabkan oleh Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 yang membahagikan Indonesia sebagai kawasan '*sphere of influence*' Inggeris. Dalam menjamin kekalnya harmoni dalam hubungan kedua-dua kuasa itu, mereka telah berusaha mengelak dari mencampuri hal-hal dalam kawasan orang lain. Tidak diketahui sama ada perdagangan orang-orang Batu Bahara itu terlibat dengan perjanjian itu.

Penulis berpendapat bahawa orang-orang Batu Bahara masih lagi mengadakan hubungan perdagangan dengan Pulau Pinang, ini berpunca daripada layanan yang tidak begitu baik yang mereka terima daripada pedagang-pedagang Belanda. Belanda seperti yang diketahui umum memang ingin menjalankan dasar monopolii di mana-mana sahaja mereka bermiaga. Selain daripada bermiaga di Pulau Pinang, orang-orang Batu Bahara tadi telah juga bermiaga di tempat-tempat lain terutamanya di Selangor dan di Perak. Ini tentulah berpunca daripada perkembangan-perkembangan ekonomi yang berlaku di negeri-negeri itu sejak pertengahan abad ke-19 Masihi.

Dalam jangka waktu ini pemerintahan adalah bercorak "feudal" dan raja menduduki tempat yang tinggi dalam hairaki sistem politik Melayu tradisional. Tanah adalah milik mereka dan boleh dibuka oleh sesiapa sahaja asalkan kebenaran diperolehi terlebih dahulu. Dalam konteks inilah kita boleh mengaitkan pembukaan Dinding oleh Nakhoda Mohamad Taib.

Setelah kebenaran didapati, Nakhoda Mohamad Taib bersama-sama pengikutnya telah masuk ke Sungai Dinding dan mereka telah membuka satu tempat yang kemudiannya dikenali sebagai Kuala Sepit (kira-kira 4.8 kilometer dari Lumut). Di sinilah bermulanya sejarah Jajahan Dinding yang awal.<sup>13</sup> Kerana sungai pada masa itu

13 'Awal' di sini dimaksudkan mula-mula diketahui adanya penghuni tetap di situ dan ada pulak dokumen yang menyokongnya.

merupakan satu alat perhubungan yang paling 'vital', lantaran itu Kuala Sepit telah menjadi sebuah pelabuhan yang penting. Tambahan pula kawasan pendalamannya banyak menghasilkan barang-barang keluaran hutan seperti damar, rotan dan sebagainya.

Di samping itu, hubungan antara Nakhoda Mohamad Taib dan pengikut-pengikutnya dengan tempat asal mereka masih lagi baik dan mereka selalu sahaja berulang alik ke sana. Apabila kedudukan mereka sudah stabil mereka telah membawa anak isteri mereka bersama-sama. Dalam hal ini kemungkinan saudara mara mereka mengikut sama tidak dapat dinafikan. Kemajuan-kemajuan yang dicapai itu bukan sahaja telah dapat menarik ramai orang-orang Sumatra datang ke situ malah telah juga menarik orang-orang dari daerah-daerah lain dalam Negeri Perak sendiri untuk menetap di situ. Mereka telah bergaul dengan baik, lama kelamaan telah menjadi sukar untuk menentukan yang mana satu orang Melayu Perak jati.<sup>14</sup>

Kerana berlakunya proses asimilasi itu agak sukar bagi kita menentukan berapa ramaikah orang-orang Batu Bahara di Dinding, tambahan pula mereka sentiasa sahaja pergi keluar bermiaga, kadang-kadang sampai setahun baru balik ke Dinding. Memandangkan keadaan teknologi pada masa itu, jangka masa yang panjang itu tidaklah begitu menghairankan. Kita lihat jumlah orang-orang Melayu (*Malays*) tidak termasuk orang-orang Melayu yang lain<sup>15</sup> adalah seramai 4,420 orang pada tahun 1891 dan hanya 4,330 orang pada tahun 1911.<sup>16</sup>

Salah satu akibat daripada campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu ini dapat kita lihat satu perubahan dalam corak ekonomi. Maksudnya kalau dahulu sungai-sungai yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi tetapi apabila In-

<sup>14</sup> Dalam banci penduduk Dinding tahun 1911 yang dibuat oleh Negeri-Negeri Selat, hanya menyebut 'Malays' sedangkan suku-suku (bangsa) yang lain ada disebut secara terperinci, misalnya 'Jawanese', 'Achinese' dan lain-lain lagi.

<sup>15</sup> Dalam soal ini Orang Jawa, Orang Boyan, Orang Arab dan lain-lain yang beragama Islam dianggap sebagai 'Orang Melayu yang lainnya.'

<sup>16</sup> Lihat 'Report On The Census Of The Straits Settlements 1891 & 1911', Microfilm, Perpustakaan Universiti Malaya.

ggeris memperkenalkan sistem infrastruktur yang lebih baik, sedikit demi sedikit peranan sungai telah diambil alih dan kegiatan ekonomi telah beralih ke pendalaman dan tidak lagi di tepi pantai. Perubahan-perubahan yang berlaku dengan pesat itu juga meninggalkan kesan kepada Jajahan Dinding. Ramai penduduk-penduduknya telah berpindah ke pendalaman yang mana telah mula ditanam dengan pokok getah. Sesetengah daripada mereka telah membuka perkampungan-perkampungan baru di sepanjang tebing mudik ke hulu Sungai Dinding. Perpindahan beramai-ramai ini juga berpunca daripada sikap pemimpin mereka yang bekerjasama dengan Inggeris sedangkan mereka tidak sukaan penjajahan.

Dengan pembaharuan-pembaharuan yang dibuat oleh Inggeris tadi, terutamanya dalam pembukaan ladang-ladang getah telah memulakan satu peringkat lagi dalam sejarah kedatangan orang-orang dagang ke Jajahan Dinding. Dalam hal ini bukan sahaja telah memperlihatkan kemunculan orang-orang Indonesia tetapi juga orang-orang Cina dan India.

### Kedatangan Orang-Orang Luar (Dagang) — Peringkat Kedua

Peringkat ini sebenarnya selari dengan perkembangan dan kemajuan yang dibuat di tempat-tempat lain di negeri ini.

#### Orang Jawa

Di samping membawa masuk orang-orang Cina dan India ke ladang-ladang getah mereka, orang-orang Inggeris juga membawa masuk orang-orang Jawa. Di samping dapat mengimbangi bangsa-bangsa itu, orang-orang Inggeris juga sedar bahawa pada masa itu orang-orang Cina dan India tidak mahu tinggal tetap di Malaya. Mereka menganggap Malaya ini adalah tempat mereka mencari rezeki sementara sahaja; tumpuan mereka masih lagi ke tanah air asal mereka. Untuk menjamin agar pengeluaran hasil getah tidak terganggu, andainya

orang-orang Cina dan India tadi meninggalkan negeri ini dengan tiba-tiba, maka Inggeris telah menggalakkan kedatangan buruh-buruh Jawa dan mereka ini digalakkan pula berkahwin dengan orang-orang Melayu tempatan. Dengan itu diharapkan mereka akan tinggal tetap di sini.

Pada peringkat awalnya, orang-orang Jawa itu yang datang dengan secara kontrak dan tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh majikan mereka. Memang sudah menjadi kebiasaan manusia mahukan setiap nikmat dikecapi bersama oleh keluarga dan sanak saudaranya. Begitulah juga halnya dengan orang-orang Jawa tadi, apabila mereka sudah stabil mereka menjemput pula sanak saudaranya datang ke tempat mereka bekerja di ladang-ladang getah kemudian membuat perkampungan baru berhampiran dengan ladang-ladang getah tadi, jadi hubungan mereka dengan saudara mara mereka yang bekerja di ladang-ladang getah adalah rapat.<sup>17</sup> Ditambah pula dengan keadaan kehidupan yang tidak begitu memuaskan di Indonesia sendiri telah menyebabkan ramai orang-orang Jawa kemudiannya datang ke sini dengan sukarela menyertai saudara mara mereka atau ‘orang-orang kampung’.

Walau bagaimanapun usaha-usaha orang-orang Inggeris untuk menggalakkan perkahwinan campuran antara orang-orang Jawa dengan orang-orang Melayu tempatan tidak begitu berjaya. Malah orang-orang Melayu tempatan menganggap orang-orang Jawa itu rendah (*inferior*).<sup>18</sup> Kebanyakan daripada orang-orang Jawa yang datang itu pada mulanya bukanlah beragama Islam, bahasa mereka juga tidak sama dengan bahasa Melayu, maka susah bagi mereka itu untuk saling sesuai dan menyesuaikan diri. Tidak seperti orang-orang Batu Bahara mereka rata-rata beragama Islam, mereka juga menggunakan bahasa Melayu.

Mengikut banci yang dibuat pada tahun 1911 terdapat kira-kira

<sup>17</sup> Dalam perjalanan ke Beruas dari Lumut, tidak jauh dari Air Tawar terdapat sebuah ladang getah yang rata-rata pekerjanya terdiri daripada orang-orang Jawa dan tidak jauh dari situ terdapat satu perkampungan yang bernama ‘Kebun Jawa’.

<sup>18</sup> Mereka sering digelar ‘Jawa Konterak’. Bagi mereka ini satu penghinaan.

223 orang Jawa di Jajahan Dinding.

## Orang Banjar

Orang-orang Banjar ini berasal dari satu kawasan yang bernama Banjarmasin di Kalimantan. Salah satu faktor yang mendorong mereka berpindah, seperti kata Tengku Shamsul Baharin (1964: 38) ialah kerana mereka tidak berjaya '*to overcome the physical limitations of their home environments for the production of sufficient food materials for their everyday requirements*'. Kebanyakannya daripada mereka adalah petani yang rata-rata terlibat dalam kegiatan penanaman padi.

Kebanyakan orang-orang Banjar ini berpindah ke kepulauan Melayu ini disebabkan tekanan hidup di tempat asal mereka dan mereka ingin mencari keselesaan hidup di sini. Pada tahun 1930 terdapat kira-kira 77,838 orang Banjar di Sumatra, sebahagian besarnya terdapat di Inderagiri dan pada tahun 1931 terdapat kira-kira 45,350 orang Banjar di Malaya (Tengku Shamsul Baharin, 1964: 39).

Diperdayai orang-orang Banjar yang datang ke Malaya ini bukanlah datang secara terus dari Banjarmasin tetapi mereka datang dari Jawa ataupun Sumatra. Semasa di sana mereka telah dibawa datang ke Malaya untuk bekerja di ladang-ladang getah oleh Inggeris bersama-sama orang-orang Jawa.

Menurut laporan Inggeris, ada satu kemahiran yang ada pada orang-orang Banjar itu yang tidak terdapat pada buruh-buruh India; iaitu mereka kuat dan pandai dalam kerja-kerja tebang menebang dan mengorek parit. Maka tenaga mereka amat diperlukan.<sup>19</sup> Tetapi mengikut banci tahun 1911 tidak terdapat orang-orang Banjar di Jajahan Dinding.<sup>20</sup>

19 Orang-orang Banjar di Batu 10, Lekir, Sitiawan, Perak (satu kawasan penumpuan mereka di Jajahan Dinding) mengatakan yang kedatangan mereka bukanlah dibawa oleh Inggeris sebaliknya mereka datang di atas kerelaan mereka sendiri.

20 Ini adalah kerana pada tahun 1911, Sitiawan bukanlah di bawah pentadbiran Jajahan Dinding. Hanya mulai tahun 1935 sahaja baru Sitiawan dimasukkan di bawah Jajahan Dinding. (Lihat Bab 3).

## Orang Panai

Satu lagi suku bangsa yang terdapat di Jajahan Dinding ialah ‘Orang Panai’. Mereka ini datang dari Sumatra juga iaitu di satu daerah yang bernama Panai. Mereka mendakwa kedatangan mereka bukanlah dibawa oleh sesiapa tetapi kerana desakan semangat pengembalaan mereka.

Mereka ini tidak banyak bezanya dengan orang-orang Batu Bahara. Yang membezakan mereka hanyalah bahasa sahaja. Orang Panai mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Tempat tumpuan mereka ialah di Air Tawar, Perak; tidak pula diketahui kenapa mereka bertumpu ke situ. Kini mereka merupakan peniaga-peniaga kecil di samping mengerjakan tanah yang kebanyakannya dusun buah-buahan.

Orang-orang Panai ini, sama seperti orang-orang Jawa dan Banjar, mengamalkan cara-cara hidup mereka sendiri dan berinteraksi sesama mereka di dalam komuniti mereka sahaja. Hanya sedikit sahaja hubungan yang dibuat dengan orang-orang yang lain. Mereka tidak menggalakkan perkahwinan yang bercorak *exogamous* (perkahwinan di luar suku). Keadaan-keadaan itu terus kekal hingga kini.

## Kesimpulan

Berlakunya perpindahan penduduk dari Indonesia ke Malaya bukanlah merupakan satu fenomena yang baru, ia telah berlaku terus menerus sejak zaman berzaman. Kini orang-orang Indonesia di Malaysia bersama-sama dengan orang-orang Melayu yang lainnya merupakan salah satu bangsa yang terbesar di Malaysia.

Hingga ke tahun-tahun tiga puluhan, mereka yang datang dari wilayah-wilayah yang berasingan di Indonesia tetap juga mengamalkan cara hidup yang demikian di tempat-tempat yang mereka menetap; yakni satu-satu suku itu terdapat di satu-satu kawasan tertentu sahaja. Terjadinya corak hidup yang demikian adalah kerana satu-satu kumpulan yang berjaya mendiami sesuatu kawasan tertentu itu

akan menjemput sanak saudara atau orang-orang sekampungnya datang tinggal bersama-sama mereka. Berkumpulnya mereka mengikut suku atau puak masing-masing adalah satu perkara biasa dan logik bagi orang-orang yang berhijrah kerana kehadiran sanak saudara dan kenalan di sekeliling akan menimbulkan perasaan selamat dan terjamin dalam suasana dan keadaan yang serba baru.

Pada awalnya sebab kedatangan mereka ke mari adalah kerana perdagangan. Semangat pengembalaan yang ada pada diri mereka juga turut memainkan peranan. Perkembangan ekonomi yang pesat di negeri-negeri Melayu ini sendiri dan keadaan kehidupan di tanah air tempat asal mereka yang tidak begitu memuaskan telah memungkin penghijrahan tersebut berlaku.

## BAB 5

### PENUTUP

**A**ntara lain dalam buku ini penulis telah cuba mengemukakan beberapa fakta sejarah untuk membuktikan bahawa Jajahan Dinding merupakan satu daerah yang unik dan istimewa jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain di negeri Perak. Keistimewaannya itu dapat dikesan daripada pelbagai aspek - politik, ekonomi dan sosial.

Gullick dalam bukunya *The Indigenous Political System Of Western Malaya*<sup>9</sup> (1956), mengakui yang sistem politik bumiputra (Melayu tradisional) Perak agak berbeza dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Pembesar-pembesar Perak bergelar 'Orang Besar 4, 8, 16 dan 32'. Itu memang betul dalam konteks masa ia menulis bukunya itu bila mana Jajahan Dinding sudah pun kembali dalam pangkuhan Perak. Tapi harus diingat bahawa bermula dari tahun 1935, Jajahan Dinding mempunyai sistem pentadbirannya sendiri dan bermula dari tahun 1935 sahaja baru Jajahan Dinding ditadbirkan oleh seorang 'Orang Besar Jajahan' iaitu 'Orang Besar 8' dalam susunan 'Pembesar-pembesar Perak'.


Kenapakah Jajahan Dinding tidak begitu maju berbanding dengan jajahan-jajahan lain dalam negeri Perak? Meskipun ia mempunyai

*potential* untuk maju. Penulis telah cuba memberikan jawapan-jawapannya di dalam kajian ini.

Sebenarnya sehingga tahun 1935 Jajahan Dinding yang semenjak tahun 1874 ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat (lihat Gambarajah 4) merupakan satu kawasan yang terbiar kerana ia terletak di dua persimpangan kepentingan politik. Pentingnya Dinding kepada Kerajaan Negeri-Negeri Selat (S.S.) adalah kerana di situ terdapatnya lanun-lanun yang mengganggu perjalanan kapal-kapal dagangnya yang melintasi Selat Dinding dalam perjalanan dari Singapura ke Pulau Pinang dan sebaliknya. Penyerahan Dinding kepada mereka dapat memudahkan usaha mereka dalam menghapuskan kegiatan lanun di situ, selain daripada itu ia tidak penting dan tidak begitu berfaedah (Emerson, 1964: 373 - 377).

Gambarajah 4

Struktur Organisasi Pentadbiran  
Jajahan Dinding 1874 - 1935



PM = Penghulu Mukim      KK = Ketua Kampung

\* Mulai dari tahun Federated Malay States atau 1891 nama jawatan itu ditukar kepada District Officer Dinding bila mana pegawai dari perkhidmatan Perak (kemudiannya Federated Malay States atau FMS) mengantikan pegawai dari perkhidmatan Koloni (ekoran daripada persetujuan kedua-dua kerajaan itu).

Di peringkat awal, District Officer juga menyandang jawatan Harbour Master dan Pemungut Cukai Tanah.

Kerajaan Perak pula memikirkan yang Jajahan Dinding itu bukanlah sebagai sebahagian daripada negerinya kerana itu sebarang usaha tidak dibuat untuk memajukan Jajahan Dinding itu.

Bagi kerajaan *Straits Settlement* (S.S.) terdapatnya sebuah pelabuhan yang terletak di perjalanan antara Pulau Pinang dengan Singapura tidak dirasakan perlu kerana jaraknya agak dekat,<sup>1</sup> andainya sebuah pelabuhan dibina di Lumut pastinya akan mengganggu kepentingan Pulau Pinang. Sementara itu Kerajaan Perak mahu sebuah pelabuhan di negerinya sendiri, dan dalam soal ini kerajaan S.S. dan kerajaan Perak tidak pernah mencapai kata sepakat; walaupun pada mulanya ada ura-ura hendak membina jalan keretapi yang menghubungkan Larut dengan Lumut tetapi entah mengapa rancangan itu tidak dilaksanakan, sebaliknya dibina jalan keretapi yang menghubungkan Tapah dengan Teluk Anson (kini Teluk Intan).<sup>2</sup>

Hanya selepas tahun 1935 sahaja barulah usaha-usaha untuk memajukan Jajahan Dinding dipergiatkan<sup>3</sup> tetapi untuk menjadikan Lumut sebagai sebuah pelabuhan masih tidak dapat dilakukan kerana telah ditandatangani satu perjanjian sulit antara kerajaan S.S. dengan kerajaan Perak di mana dipersetujui yang kerajaan Perak tidak akan berbuat demikian,<sup>4</sup> kalau tidak Jajahan Dinding tidak akan dikembalikan kepada kerajaan Perak.


Jajahan Dinding dengan bandar Lumut sebagai pusat pentadbirannya mengambil masa yang agak panjang untuk membangun. Hampir enam dekad lamanya baru ada usaha-usaha untuk mengembalikan kegemilangannya. Kini Lumut telah dijadikan pangkalan untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) setelah beberapa lamanya menjadi sarang lanun. Lumut dan Pulau Pangkor yang dahulunya

1 Perkara ini telah hebat dibincangkan. Lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Mei 15 & 22 1935.

2 Hingga kini tiada jalan keretapi yang menghubungkan Lumut dengan bandar-bandar yang lain di negara ini. Lihat juga Merewether (1891: 44). Lihat juga Lampiran V iaitu senarai pegawai-pegawai yang telah turut sama membangunkan daerah tersebut. Kebanyakan daripada mereka masih lagi berkhidmat dengan kerajaan.

3 Raja Muda Abdul Aziz sentiasa sahaja menekankan soal ini dalam Majlis Mesyuarat Negeri Perak, lihat *Times of Malaya (Weekly)*, Mei 22, 1935.

4 Temubual dengan OBJ. Dinding.



menjadi tempat laluan dan persinggahan kapal-kapal dagang dalam perjalanan dari India ke Negeri China dan sebaliknya kini, khususnya semasa Negeri Perak di bawah pimpinan Menteri Besar sekarang iaitu YAB Tan Sri Dato Seri Ramli Ngah Talib, sedang dimajukan sebagai tempat tarikan pelancongan yang diharapkan dapat menarik pelancong-pelancong dari seluruh pelusuk dunia.

Dalam kajian ringkas ini penulis telah secara sepantas lalu mengenengahkan fakta tentang kewujudan berbagai-bagai bangsa di Jajahan Dinding seperti Cina, India dan Jawa ekoran daripada kerja-kerja pembukaan ladang-ladang getah dan pembangunan infrastruktur tetapi penulis tidak sempat memberi tumpuan kepada sistem politik, ekonomi dan sosial yang diamalkan oleh bangsa-bangsa itu. Penulis berpendapat ia merupakan satu dimensi penyelidikan yang perlu diberi perhatian dan penekanan pada masa-masa yang akan datang.

# LAMPIRAN 1

Salinan surat kuasa yang dikurniakan kepada  
Nakhoda Mohamad Taib

Qaululhaq

Tarikh Hijrah 1277 Nabi (S.A.W.) pada Seribu dua ratus tujuh puluh tujuh kepada tahun (jim) pada 13hb. Safar hari Juma'at pada waktu jam pukul 8.00.

Bahawasanya adalah pada ketika itu Sultan Jaafar Muazzam Shah Duli Hadhrat Yang Dipertuan Yang Maha Mulia Negeri Perak Darul-Ridzuan yang telah semayam di atas takhta kerajaan di Pasir Panjang Indera Mulia serta di hadapan ayahanda baginda dan anakanda baginda dan cucunda baginda sekeliannya penuh sesak di balai penghadapan serta segala raja-raja dan orang besar-besaran hulubalang sida-sida bentara penghulu rakyat sekelian.

Ahwal inilah kita menyatakan seperti Nakhoda Mohamad Taib ini orang Batu Bahara mari datang kepada kita hendak perhambakan kepada kita serta hendak mengerjakan pekerjaan kita yang berputatan di dalam adat dengan hukum melainkan kitapun terlebih suka sangat akan jadi meramaikan negeri jajahan kita adanya.

Melainkan inilah kita kurniakan kepada Nakhoda Mohamad Taib ini istimi cap mohor kita diberi serahkan daripada tempat kediamannya di sebelah laut di dalam sungai Dinding hingga perenggan di sebelah matahari naik Telok Murok di sebelah matahari turun sungai Puyu-Puyu di sebelah laut Pulau Pangkor di sebelah tanah daratan Pengkalan Dinding sungai Raja Hitam, melainkan semuanya kita wakilkan kepada Nakhoda Mohamad Taib ini sekelian daripada genap perkaranya di dalam daerah jajahan seperti yang tersebut itu daripada hukum-hukum sekelian adatnya serta me-

nerimakan hasil-mahsul di mana yang ada keluar dan masuk di dalam jajahan itu adanya.

Dan lagi barang siapa-siapa mereka itu yang datang hendak berbuat daripada sesuatu pekerjaan yang boleh akan jadi rezekinya melainkan hendaklah mereka itu ikut turut barang yang dimuafakatkan oleh Nakhoda Mohamad Taib ini adanya.

Dan lagi seperti hasil-mahsul yang mana ada dapat dihimpunkan Nakhoda Mohamad Taib ini kita letakkan bahagi dua yang suatu bahagi akan jadi ayapan Nakhoda Mohamad Taib ini yang suatu bahagi dimaklumkan kepada kita inilah adanya.

Hubaya-hubaya, janganlah siapa-siapa melalui seperti yang tersebut di dalam istimi cap mohor kita ini melainkan barang siapa-siapa melalui titah kita ini adalah mereka itu salah kepada Allah Subhanau Wata'ala dan salah kepada Rasulullah (S.A.W.) serta salah kepada kita Insha Allah berkat keramat-keramat segala marhum-marhum di dalam negeri Perak ini kita hukum orang itu dengan sepenuh-sepenuh hukum ingkar kita rampas melawan kita bunuh. Demikianlah kita nyatakan adanya. Wahsanul Khatimah.

Termaktub pada 13 haribulan Safar hari Juma'at jam pukul 8.00. Tammat.

Wakutubih Panglima Dalam Zainal Abidin.

Cop Mohor

## LAMPIRAN II

Salinan Perutusan Gabenor Negeri-negeri Selat Bersempena  
Dengan Penyerahan Semula Jajahan Dinding,  
Pada 16hb. Februari 1935\*

*As far back as 1826, the Island of Pangkor and the Sembilan Islands were ceded by Perak to Great Britain, with the object of facilitating the suppression of the piracy that was then so prevalent in the Straits of Malacca. This cession was confirmed by the Treaty of Pangkor in 1874, by which, also, a strip of the adjourning coast was added, the whole being known as the Dinding territory, and forming part of the Settlement of Penang.*

*It is a source of great pleasure to that during my tenure of office, sixty years later, this territory is today being receded to the State of Perak. I offer my warm congratulations to His Highness whose long cherished wish is now so happily being fulfilled, and, in the name of His Majesty the King, I hand him back his territory in the confidence that under his rule it will continue in the peace and prosperity has so long enjoyed.*

(SGD)

.....  
(TSW. THOMAS)  
Governor

*Government House  
Singapore,  
13th February, 1935*

\* Dipetik dari Fail DOD 67/35, Arkib Negara

## LAMPIRAN III

Salinan

### *'Arrangements For Handing Over Dinding'\**

1. *Perak Government will assume administrative charge as from midnight February 15-16.*
2. *Perak flag will be flown from District Officer's flag staff as from February, 16. No special ceremony.*
3. *British and Resident Councillor, Penang, will drive straight to my house. The Raja Muda will drive to my house at 11.20 a.m.*
4. *At 11.30 a.m. the British Resident, Perak with Raja Muda will drive to the Government Office and will be met by Chief Police Officer, Perak and District Officer, Dindings. Residents Councillor, Penang will arrive shortly afterwards and will be similarly met.*
5. *A Guard will be provided by F.M.S. Police which will present arms on arrival of Resident, Perak and again on arrival of Resident Councillor, Penang. There will be no inspection of the Guard.*
6. *After introductions, Resident Councillor, Penang British Resident, Perak and Raja Muda will proceed to their allotted seats in the office.*

*District Officer, Dindings will read Dindings Agreement.*

*Resident Councillor, Penang will read a message from his Excellency the Governor and High Commissioner.*

*British Resident, Perak will reply.*

*Raja Muda read a message from His Highness the Sultan.*

7. *Resident Councillor, Penang will then leave the office and return to Rest House.*  
*The guard will present arms on his departure.*
8. *British Resident, Perak and Raja Muda will remain in Government Office in order that office staff and Penghulus may be introduced by District Officer, Dindings.*
9. *They will return to the Rest House where a group photo will be taken and the health of His Majesty the King and His Highness the Sultan drunk.*
10. *Luncheon will be provided at the Rest House for invited guest at 11.30 a.m.*
11. *Civil Service uniform will be worn for the ceremony at 11.30 a.m.*
12. *District Officer, Dindings will arrange seating and for a photographer. (Raja Muda, Perak will be accompanied by two chiefs).*
13. *British Resident, Perak and Resident Councillor, Penang will leave Lumut after lunch.*

*No special honours on departure.*

\* Dipetik dari Fail DOD 67/35, Arkib Negara.

## LAMPIRAN IV

### PERAK TREATY OF 6 JUNE, 1934 *Retrocession Of The Dindings<sup>1</sup>*

*Agreement made between His Excellency Andrew Caldecott, Esquire, C.M.G., C.B.E., Officer Administering the Government of the Colony of the Straits Settlements, on behalf of His Majesty the King of Great Britain, Ireland, and the British Dominions beyond the Seas, Emperor of India, and His Highness the Sultan of Perak.*

*Whereas by Agreement signed on the 18th October 1826 and 20th January 1874, to which His Majesty the King of Great Britain, Ireland, and the British Dominions beyond the Seas, Emperor of India, hereinafter styled His Majesty, and His Highness the Sultan of Perak, hereinafter styled His Highness, are parties, the territory therein defined and known as the Dindings, formerly a part of the State of Perak, was ceded by the Rulers and Chiefs of Perak:*

*And whereas His Majesty, in token of the friendship which he bears towards His Highness, is willing that the said territory shall once again form part of the State of Perak:*

*It is hereby agreed as follows:*

1. *His Highness shall as from the date of the entry into force of this agreement have full sovereign rights and title over the territory of the Dindings and such territory shall once more form part of the State of Perak.*
2. *Nothing in this agreement shall operate to affect the nationality of any persons domiciled or ordinarily resident in the territory of the Dindings at the date of the entry into force of this agreement.*
3. *All treaties and agreements applicable to the State of Perak at the date of entry into force of this agreement shall thenceforward apply to the territory of the Dindings.*

4. All rights to property which private persons or corporations have acquired in the territory of the Dindings at the date of entry into force of this agreement shall be maintained and all such persons or corporations shall retain their property, provided that in the place of the titles to immovable property possessed by such persons or corporations at that date there shall be substituted documents of title issued in accordance with the law in force in Perak and conveying as nearly as may be the same rights in such property.
5. The Government of Perak will pass such legislation as may be necessary to make the law of Perak applicable as from the date of entry into force of this agreement to the territory of the Dindings.
6. The Government of Perak will pay to the Government of the Straits Settlements the sum \$86,850 (Dollars eighty-six thousand eight hundred and fifty) in respect of the buildings, bridges, roads or other immovable property of the Government of the Straits Settlements in the territory of the Dindings.
7. This agreement shall enter into force three months after the date on which an Act of the Parliament of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland approving the agreement has been passed into law. His Excellency the Governor of the Straits Settlements will inform His Highness of the date on which the said Act passes into law.

In witness, His Excellency Andrew Caldecott, Esquire, C.M.G., C.B.E., and His Highness Sultan Iskandar Shah, G.C.M.G., K.C.V.O., ibni al-marhum Sultan Idris Rahmatullah Shah have set their respective seals and signatures.

Dated at Singapore this sixth day of June 1934.  
Seal and signature of A. Caldecott,  
Acting Governor of the Straits Settlements.  
Witness G.L. HAM,

*Acting Colonial Secretary of the Straits Settlements.  
Seal and signature of R.A. ISKANDAR,  
Sultan of Perak  
Witness G.E. CATOR,  
British Resident,  
Perak.*

#### FOOTNOTES

1. Hansard's Report On Proceedings In The House Of Commons, 1934, 884-886, Chapter 55, reads:

"Whereas by an Agreement made, subject to the approval of Parliament, on the sixth day of June 1934 (being the agreement set out in the schedule to this Act) provision is made for the cession by His Majesty to His Highness the Sultan of Perak of the territory known as the Dindings, formerly part of the State of Perak:

*And whereas it is expedient to give such approval:*

1. *The approval of Parliament is hereby given to the agreement set out in the Schedule to this Act, and it shall be lawful for His Majesty to do everything that appears to His Majesty necessary or proper for carrying that agreement into effect.*

2. *This Act may be cited as the "Dindings Agreement (Approval) Act, 1934."*

*(The word Approval in the last sentence is misprinted Approved in Hansard but has been corrected by the Clerk of the House of Commons, to whom we are indebted for his help in this matter).*

\* Dipetik dari A Collection Of Treaties And Other Documents Affecting The States Of Malaysia 1761 - 1963, hal. 394 - 396.

## LAMPIRAN V

### SENARAI PEGAWAI DAERAH YANG BERKHIDMAT DI DAERAH MANJUNG\*

Nama	Tempoh
1. J.F.F. Gregg, MCS	1935-1936
2. G.F. Stayness, MCS	1936-1938
3. A.Malek B. Yusof, MCS	1938-1939
4. Dato' Ahmad B. Osman, MCS	1939-1940
5. M. Albakri B.H. Hassan, MCS	1940-1942
6. Bahaman B. Shamsuddin, MCS	1943-1945
7. J.H. Thom	1946-1947
8. A.M. MacDonald	1947-1949
9. G.S. Walker, PJK, MCS	1951-1954
10. R.H. Heslop DSO, MCS	1954-1955
11. D.H. Payne, MCS	1956-1957
12. M. Senawi B.H. Zainuddin, MCS	1957-1959
13. Wan Salaidin B. Wan Ismail, MCS	1959-1961
14. Mohammed Nor B. Zabidin, MCS	1962-1963
15. Yaakub B.A. Hamid, PJK, MCS	1963-1966
16. Wan Sidik B. Wan A.Rahman, PJK, MCS	1965-1966
17. Ahmad B. Saadi, MCS	1966-1966
18. Abdullah Azizi B. M. Som, PLDN, PJK	1968-1969
19. Engku Ibrahim B. Ngah, PJK	1968-1969
20. A. Wahab B. H. Zainuddin	1969-1971
21. Umar B. Haji Abu	1971-1971
22. Ismail B. Othman	1971-1971
23. Abdul Jalil B. Ibrahim	1972-1975
24. Haji Mohammad B. Osman	1975-1977
25. Abdul Aziz B. Haji Ismail	1977-1980
26. Mohd Khairan B. Abdullah	1981-1983
27. Ismail B. Shah Bodin, PMP	1983-1985
28. Hj. Abd. Samat B. Hj. Sabri, KMN, PMP, AMP	1.1.1986-31.5.1993
29. Hj. Anwar B. Hj. Abd. Rahman	1.6.1993 -

\* Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah, Manjung.

## BIBLIOGRAFI

- ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI - *Ngah Ibrahim*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993.
- AHMAD SABKI JAHIDIN - *Iskandar Shah Of Perak, 1881 - 1938*, B.A. Thesis, Mic. 839.9, Perpustakaan Universiti Malaya.
- ANDAYA, B.W. - *Perak, The Abode Of Grace, A Study Of An 18th Century Malay State*, Kuala Lumpur: OUP, 1979.
- ANDERSON, J. - *Political And Commercial Considerations Related To The Malayan Peninsula And The British Settlement In The Straits Of Malacca*, *JMBRAS*, 35, iv, 1962.
- BASSET, D.K. - *European Influence In The Malay Peninsula, 1511-1786*, *JMBRAS*, XXXIII, iii (1960)
- BONNEY, R. - *Kedah 1771 - 1821*, Kuala Lumpur, 1971.

- BUYONG B. ADIL, HAJI - *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: DBP, 1972
- CHULAN B. RAJA ABD. HAMID - *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1966.
- COWAN, C.D. - *Nineteenth Century Malaya, The Origins Of British Political Control*, London, 1967.
- DZULKIFLI B. MOHD SALLEH - *Hikayat Merong Mabawangsa*, Kuala Lumpur: DBP, 1971.
- EMERSON, R. - *Malaysia: A Study In Direct And Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1964.
- GULLICK, J.M. - *Indigenous Political System Of Western Malaya*, 1956.
- HALL, D.G.E. - *A History Of South East Asia*, 1955.
- J. KATHIRITHAMBY - WELLS - *'The Dutch In The Straits Of Malacca'*, In *Glimpses Of Malaysian History*, Kuala Lumpur: DBP, 1970.
- OTHMAN MOHD. YATIM - "Benarkah Orang Melayu Berketurunan Lanun?" *Dewan Masyarakat*, 1973, (Julai) hal. 41-42.
- OTHMAN MOHD. YATIM & MOHD. ZAMBERI A. MALEK - *Meriam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 1994.

- OTHMAN MOHD. YATIM &  
NIK HASSAN SHUHAIMI BIN  
NIK ABD. RAHMAN
- KENNEDY, J.
- KHOO KAY KIM
- MAXWELL, W.E.
- MAXWELL & GIBSON (ED.)
- MEREWETHER, E.M.
- MOHD. DAHLAN MANSOER
- Beruas: Kerajaan Kuno Di Perak*, Kuala Lumpur:  
Persatuan Muzium Malaysia, 1994.
- A History Of Malaya, A.D. 1400 - 1959*, New York: St. Martin's Press, 1962.
- The Western Malay States 1850-1873*, Kuala Lumpur, 1972.
- The History Of Perak From Native Sources, JSBRAS*, 9, (1882) hal. 85 - 108.
- The Dutch In Perak, JSBRAS*, 10, (1882), hal. 245 - 268.
- The Dutch Occupation Of The Dindings, JBRAS*, 11, (1883) hal. 169 - 170.
- The History Of Perak From Native Sources, JBRAS*, 14, (1884) hal. 305 - 321.
- Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*, (London), 1924.
- Outline Of The History Of The Dindings From The 17th Century To The Present Time, JSBRAS*, June, 1891.
- Pengantar Sejarah Awal Nusantara*, Kuala Lumpur: DBP, 1979.

- MILLS, L.A. - *British Malaya, 1824 - 1867, JMBRAS, XXXIII, iii, (1960); Edited For Reprinting, With A Bibliography Of Writings In English On British Malaya, 1786 - 1867 By C.M. Turnbull; and A New Introductory Chapter On European Influence In The Malay Peninsula, 1511 - 1786 By D.K. Basset.* (Reprinted Kuala Lumpur, 1966).
- PARKINSON, C.N. - *British Malaya 1824 - 1867, JMBRAS, iii, ii, November, 1925.*
- PURCELL, VICTOR - *British Intervention In Malaya, 1867 - 1877, Singapore, 1960.*
- RYAN N.J. - *Malaysia, London, 1965.*
- SENU ABDUL RAHMAN - *Sejarah Semenanjung Tanah Melayu, Kuala Lumpur: OUP, 1966.*
- SHEEHAN, J.J. - *Revolusi Mental, Kuala Lumpur, Penerbitan Utusan Melayu, 1971.*
- SWETTENHAM, F.A. - *Seventeenth Century Visitors To The Malay Peninsula, JMBRAS, XII, ii, (1934).*
- TARLING, N. - *About Perak, Mic. 585.4., Perpusatakan Universiti Malaya.*
- *Note On History Of Straits Settlements Colony (Private Papers. Undated). Arkib Negara Malaysia.*
- *Anglo-Dutch Rivalry In The Malay World, 1780 - 1824, Cambridge, 1962.*
- *Piracy And Politics In The Malay World, Singapore: Donald Moore, 1963.*

- WILKINSON, R.J. - *Notes On Perak History, In Papers On Malay Subjects, Selected And Introduced by P.L. Burns*, 1971.
- WINSTEDT, R.O. - *Malaya And Its History*, Singapore, 1963.
- *A History Of Malaya, JMBRAS*, XIII, i, 1935.
- *A History Of Selangor, JMBRAS*, XII, iii, (1934).
- *A History Of Perak, JMBRAS*, XII, i, 1934, (with Wilkinson, R.J.).
- ZAINAL ABIDIN B. AHMAD - (ZA'BA) *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, Singapore, 1961.
- ZAINAL ABIDIN B. ABDUL WAHID - *Glimpses Of Malaysian History*, Kuala Lumpur: DBP, 1970.

#### *REKOD-REKOD DAN KERTAS-KERTAS YANG BERKAITAN\**

1. D.O.D. - *District Office Dindings*
2. D.O.S. - *District Office Of Sitiawan*
3. Pk. Sec Gen - *Perak Secretary General*

\*Fail-fail yang tersimpan di Arkib Negara.

#### *SURATKHABAR DAN MAJALAH*

*The Times of Malaya (Weekly)*, Ipoh, 1935.

*Majlis*, (Kuala Lumpur), 1935.

*Mastika*, (Syarikat Percetakan Utusan Melayu).

*Dewan Masyarakat*, (Dewan Bahasa dan Pustaka)

## **SENARAI INFORMAN**

1. Encik Md. Akhir bin Leman - Bekas Guru Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sitiawan, Perak. Pernah menjadi murid kepada Cikgu Mahadi.
2. Encik Mohamad Yunus bin Mahmud - Bekas Ahli Dewan Negara Perak, cicit saudara kepada Nakhoda Mohamad Taib dan anak saudara kepada Cikgu Mahadi bin Agos. Pada masa kajian ini dibuat, Keris Pesaka 'Helang Menyambar' kepunyaan Nakhoda Mohamad Taib itu masih ada dalam simpanan beliau. Encik Mohamad Yunus ini adalah seorang pemimpin kaum yang terkenal dan dihormati di Daerah Dinding.
3. Encik Mahadi bin Agos - Bekas Guru pernah mengajar di Pangkor. Pada masa kajian dibuat beliau berumur kira-kira 95 tahun. Beliau adalah seorang pemimpin kaum yang terkenal di Daerah Dinding dalam tahun 1930-an. Beliau juga bersama-sama pemimpin kaum lain bertanggungjawab dalam 'Perayaan Penyerahan Semula Jajahan Dinding kepada Kerajaan Perak' yang diadakan secara besar-besaran pada tahun 1935 di Lumut.
4. Raja Shahriman bin Raja Abdul Hamid - O.B.J. Dindings yang pertama. Mula memegang jawatan tersebut pada tahun 1935 apabila Jajahan Dinding kembali semula ke dalam pangkuan Kerajaan Perak. Beliau mempunyai pertalian yang rapat dengan kerabat diraja Perak. Beliau pernah mendapat pendidikan di Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan pernah berkhidmat dengan pasukan polis FMS berpangkat ASP.

# INDEKS

(termasuk pada catatan kaki)

## A

- Abdullah Malim, Baginda, 42  
Abdul Aziz, Raja Muda Perak, 32, 55  
Aceh, 2, 6, 41, 43  
Ahmad Sabki Jahidin, 25  
Air Tawar, 49, 51  
Ali, Penghulu, 20  
Aminah, 18  
Anderson, 4, 5, 42, 45  
Arthur, J.S.W., 32  
Asahan, Lembah, 13

## B

- Banjarmasin, 41, 50  
Barbara, Andaya, 2  
Batak, 13  
Batu Bahara, 5, 13, 16, 19, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 49, 51, 58  
Belanda, 2, 3, 4, 6, 7, 9, 46  
Birch, J.W.W., 5, 31  
Beruas, 1, 2, 34, 43, 49  
Bugis, 4  
Buyong Adil, Haji, 34

## C

- Caldecott, Andrew (Sir), 64  
Cator, G.E., 32, 65  
Cecil Clementi Smith (Sir), 32  
Chola, 1, 43  
Cowan, C.D., 7

## D

Dahlan Mansoer, Pak Drs., 13

Dampier, 6

Dinding- Jajahan, 1, 2, 5, 6, 12, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 23, 24, 25, 32,  
34, 36, 41, 42, 48, 50, 51, 53, 58, 60  
- Pulau, 7, 45, 46  
- Selat, 2, 4, 54  
- Sungai, 7, 13, 14, 46, 48

## E

Emerson, R., 25, 32, 34, 54

Engku Busu, Raja, 6, 13, 17, 22

Eropah, 4, 34

## F

Filipina, 5, 39

Fisher, C.A., 13

## G

Gangga Negara, 1, 43

George V, King, 35

Gregg, J.F.F., 32

Gullick, J.M., 53

## H

'Helang Menyambar', 14, 19

## I

Ibrahim, 18

Inderagiri, 50

Indonesia, 5, 39, 40, 42, 46, 48, 49, 51

Inggeris, 3, 5 - 7, 12, 16, 17, 19, 23, 28, 32, 44, 46, 48, 50

Iskandar Shah - Sultan, 25, 32, 33

- Port, 35

Ismail Muabidin Shah, Sultan, 18

## J

- Jaafar Muazzam Shah, Sultan, 8, 13, 44, 58  
James Low, 7, 45  
Johor, 4

## K

- Kalimantan, 50  
Kedah, 4  
Khoo Kay Kim, 24  
Klang, 2  
Kuala Sepetang, 24  
Kuala Sepit, 6, 8, 12, 13, 14, 15, 17, 19, 21, 36, 46, 47

## L

- 'Lancang Kuning', 14  
Larut, 55  
London, 7, 45  
Long, Penghulu, 20  
Lumut, *Harbour Master*, 25

## M

- Mahadi Agos, 7, 12, 18  
Mahmud, Penghulu, 20  
Malaya, 39, 42, 48, 50, 51  
Masjid Al-Adli, 36, 37  
Maxwell, G, 32  
Maxwell, W.E., 4, 6  
Melaka, 2  
Mendailing, 13  
Merewether, E.M., 24, 55  
Mohamad Ariff, Nakhoda, 16  
Mohamad Ariff, Penghulu, 20  
Mohamad Jaafar, Penghulu, 20  
Mohamad Nordin, Penghulu Besar, 16, 17, 18, 19, 20  
Mohamad Taib, Nakhoda, 6, 7, 8, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 43, 44, 46, 47,  
58, 59

- Mohamad Yasin, Panglima Kanan, Pendekar, 15, 16, 18, 19, 20  
Mohamad Yatim, 18  
Mohamad Yunus Mahmud, 19  
Muzaffar Shah, Raja, 2

## N

- Negeri China, 40, 57  
Negeri-negeri selat, 19, 23, 34, 47, 54  
Negeri Sembilan, 41  
Ngah Ibrahim, 8  
Nusantara, 5, 14

## O

- Orang Banjar, 39, 50, 51  
Orang Boyan, 47  
Orang Bugis, 4  
Orang Cina, 34, 39, 48, 49, 57  
Orang India, 34, 39, 48, 49, 50, 57  
Orang Jawa, 39, 47, 48, 49, 50, 51, 57  
Orang Kerinci, 41  
Orang Minangkabau, 39, 41, 42  
Orang Panai, 51  
Orang Rawa, 41

## P

- Panai, 51  
Panglima Kulop, 7  
Pangkor- Perjanjian 5, 6, 16, 18, 19, 23, 24, 29, 36  
- Pulau, 2, 4, 7, 9, 34, 45, 46, 55, 58  
Pasir Panjang Indera Mulia, 13, 14, 44, 58  
Pengkalan Baharu, 20, 43  
Perang Dunia Kedua, 40  
Perjanjian Inggeris-Belanda, 46  
Port Iskandar, 35

- Port Weld (Kuala Sepetang), 24  
Pulau Pinang, 5, 14, 19, 25, 32, 45, 46, 54, 55  
Putih, 18

## S

- Said, Tuan Haji, 15, 16  
*Sejarah Melayu*, 1, 2, 43  
Selangor, 4, 6, 46  
'Semambu Bangkut', 14, 15  
Shahriman, Raja, 34, 35  
Siam, 6, 7  
Singapura, 5, 42, 54, 55  
Sitiawan, 36, 43, 50  
Sulawesi, 4, 41  
Sumatra, 5, 13, 14, 19, 40, 41, 42, 45, 47, 50, 51  
Surat kuasa, 8, 13, 14, 44, 45

## T

- Tanah Merah, 35  
Taiping, 24  
Tan Cheng Loke, 32  
Tan Sri Ramli Ngah Talib, 57  
Tapah, 41, 55  
Tarling, N., 3, 5, 45  
Tetawak, 14  
Thomas, T.S.W., 60  
Tengku Shamsul Baharin, 42, 50  
Teluk Anson, (Teluk Intan), 55

## U

- Undang-Undang Imigresen, 40

## W

- Wouter Schouten, 6